

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B1

Di Amerika, banyak graduan dilatih bagi menjadi terapi pemulih kerja bagi membantu ibu bapa menjalankan terapi anak dari rumah, contoh Autism. Ianya membantu mewujudkan peluang pekerjaan. Adakah terdapat latihan sebegini disediakan?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B2**

Pelajar pintar boleh menjadi aset kepada negeri. Mereka boleh membuat sumbangan ilmu kepada kerajaan negeri bagi pembangunan negeri kelak. Adakah terdapat data khusus berkenaan bilangan pelajar pintar atau genius di negeri Johor bawah 18 tahun yang belajar di luar Johor?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil perhatian akan keperluan murid pintar dan berbakat di dalam negara. Ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan murid pintar cerdas akan turut mendapatkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka.

KPM telah menyediakan program khusus iaitu untuk murid pintar. Program yang dinamakan PERMATA@Pintar merupakan satu inisiatif khas mencari bakat kepintaran kognitif atau intelek murid dengan memberi fokus khusus kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan pemikiran komputasional. Pemilihan murid untuk mengikuti program ini adalah berdasarkan pelbagai ujian saringan. Murid berumur 11 dan 12 tahun yang melepasi semua ujian saringan akan ditawarkan ke sekolah yang menyediakan program khusus ini sama ada di Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia atau di Akademi Sains Pendang, Kedah yang turut dikenali sebagai Sekolah Menengah Sains Pendang.

Merujuk kepada data JPN Johor, bilangan pelajar negeri Johor yang sedang belajar di Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah seramai 55 orang. Manakala Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia pula seramai 41 orang. Tiada murid Johor yang belajar di Akademik Sains Pendang, Kedah.

Secara keseluruhan, Program PERMATA@Pintar menyediakan satu program pendidikan yang menjadi pelengkap kepada sistem pendidikan kebangsaan sedia ada dengan memenuhi keperluan khusus murid pintar dan seterusnya dapat membantu melonjak dan mengoptimumkan potensi sebenar mereka. Program PERMATA@Pintar turut memberi impak positif dalam melengkapi sistem pendidikan kebangsaan sedia ada bagi membangunkan modal insan berkualiti tinggi kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B3

Flavour mushroom merupakan agen khayal dalam vape yang menjadi kegilaan remaja. Adakah KKM sedia maklum dan adakah ianya dikategorikan sebaris dengan dadah lain dan apakah ujian air kencing boleh digunakan bagi mengesan bahan tersebut dalam badan?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B4

Tiada tindakan langsung diambil berhubung pemasangan grill di koridor rumah-rumah flat di kawasan TUN AMINAH. Tindakan ini bukan sahaja merbahaya, tetapi pelbagai agensi telah membuat aduan kepada saya bahawa mereka sukar lakukan tugas sebab laluan ditutup.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B5

2026 merupakan Tahun Melawat Johor. Adakah kerajaan negeri bercadang melakukan program promosi kawasan menarik termasuk makanan melalui ADUN-ADUN kawasan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN B6

Berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan melalui agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan kepada masjid dan surau di dalam DUN Tiram sehingga Ogos 2024? Mohon penjelasan terperinci mengikut masjid/surau, jumlah dan sumber peruntukan yang disalurkan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Negeri Johor amat perihatin dari sudut permohonan masjid dan surau termasuklah dari segi baik pulih dan naik taraf. Justeru, kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang melaksanakan beberapa program dalam usaha menyalurkan peruntukan atau sumbangan kepada masjid dan surau seluruh negeri Johor yang memerlukan bantuan baik pulih dan naik taraf. Keseluruhannya adalah berjumlah **RM770,500.00** daripada bajet peruntukan tahun semasa Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor yang merangkumi **1 buah masjid** dan **2 buah surau** bagi **Projek TPMJ Fasa 1 / 2024** dan daripada bajet Jabatan Pembangunan Negeri Johor yang merangkumi **4 buah masjid** dan **2 buah surau** bagi **Projek Khas ICU 2024**.

Justeru itu, segala perincian maklumat permohonan beberapa masjid dan surau dalam DUN TIRAM tercatat seperti mana catatan rujukan **Lampiran B6**.

SENARAI MASJID DAN SURAU MENDAPAT PERUNTUKAN TPMJ DAN ICU SEHINGGA OGOS TAHUN 2024

(DUN TIRAM)

PERUNTUKAN TPMJ (TABUNG PEMBANGUNAN MASJID & AMAL JARIAH JOHOR - JAINJ)

BIL	DAERAH	PARLIMEN	DUN	NAMA MASJID / SURAU	JENIS PERMOHONAN	KOS (RM)
1	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	MASJID JAMEK KG. CAHAYA BARU, MASAI	KERJA-KERJA MENGECAT KUBAH DAN BANGUNAN SERTA KERJA BERKAITAN DI MASJID JAMEK KAMPUNG CAHAYA BARU, MASAI, JOHOR BAHRU	40,500.00
2	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	SURAU NUR IMAN JLN KUINI KOTA MASAI	KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS DAN TEMPAT WUDUK SERTA KERJA BERKAITAN DI SURAU NUR IMAN JLN KUINI KOTA, MASAI, JOHOR BAHRU	70,000.00
3	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAAM	SURAU AL EHSAN JLN DELIMA KOTA MASAI	KERJA-KERJA BAIKPULIH BUMBUNG SERTA KERJA BERKAITAN DI SURAU AL EHSAN JLN DELIMA KOTA MASAI, JOHOR BAHRU	70,000.00
JUMLAH						180,500.00

LAMPIRAN B6

PERUNTUKAN ICU (JABATAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR)

BIL	DAERAH	PARLIMEN	DUN	NAMA MASJID / SURAU	JENIS PERMOHONAN	KOS (RM)
1	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	MASJID KONG KONG LAUT	KERJA-KERJA BAIKPULIH TEMPAT WUDUK SERTA KERJA BERKAITAN DI MASJID KONG KONG LAUT JOHOR BAHRU JOHOR	100,00.00
2	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	MASJID KG. KOPOK BARU	KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS SERTA KERJA BERKAITAN DI MASJID KAMPUNG KOPOK BARU JOHOR BAHRU JOHOR	100,00.00
3	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	MASJID TAN SRI JALIL HASSAN, KG. PASIR PUTIH	KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS SERTA KERJA BERKAITAN DI MASJID TAN SRI JALIL HASSAN KAMPUNG PASIR PUTIH JOHOR BAHRU JOHOR	100,00.00
4	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	MASJID AL FALAH DESA JAYA	KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS SERTA KERJA BERKAITAN DI MASJID AL FALAH DESA JAYA JOHOR BAHRU JOHOR	100,00.00
5	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	SURAU AL-ISTIQAMAH, JALAN BACANG, TAMAN KOTA MASAI	KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS SERTA KERJA BERKAITAN DI SURAU AL-ISTIQAMAH JALAN BACANG TAMAN KOTA MASAI JOHOR BAHRU JOHOR	100,00.00
6	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	SURAU DESA PINGGITAN, KG. PENDERAM	KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS SERTA KERJA BERKAITAN DI SURAU DESA PINGGITAN KAMPUNG PENDERAM JOHOR BAHRU JOHOR	90,00.00
JUMLAH						590,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B7

Berapa jumlah pusat mengecas kenderaan elektrik (EV) yang telah disediakan di negeri Johor bagi menyokong program rintis penggunaan kenderaan elektrik sebagai kenderaan jabatan dan juga awam?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B8

Apakah tindakan yang telah dilaksanakan bagi merealisasikan Johor sebagai sebuah negeri yang lestari sejak tertubuhnya *Johor Sustainability Center*?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN B9

Berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan melalui agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan kepada sekolah-sekolah di dalam DUN Tiram sehingga Ogos 2024? Mohon penjelasan terperinci mengikut sekolah, jumlah dan sumber peruntukan yang disalurkan.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan yang telah disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) berstatus Sekolah Kerajaan di bawah Dun Tiram adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Ogos 2024	
	Bil. Sekolah	Peruntukan Penyelenggaraan (RM)
Sekolah Kebangsaan (SK)	18	787,619.40
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC)	1	30,000.00
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	1	20,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	8	161,633.59

Sumbangan bantuan penyelenggaraan yang telah disalurkan oleh KPM ke SJJC, SJKT dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah Dun Tiram adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Ogos 2024	
	Bil. Sekolah	Peruntukan Penyelenggaraan (RM)
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC)	3	210,000.00
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	3	210,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	1	70,000.00

Selain daripada itu, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) *Rolling Plan 3* (RP4) tahun 2023 dan *Rolling Plan 4* (RP4) tahun 2024, terdapat 5 projek pembangunan telah diluluskan melibatkan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di bawah Kawasan Dun Tiram. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM126,651,690.00. Perincian projek, status pelaksanaan dan kos peruntukan projek yang diluluskan adalah seperti jadual yang berikut:

Bil.	Nama Projek	Pelaksana Projek / Status	Kelulusan RMKe-12	Kos Projek (RM)
1.	Daif Johor (2023) – Pembinaan Semula Bangunan Daif Di Sekolah Kebangsaan Sungai Tiram, Pasir	JKR Malaysia / Fasa Reka	RP3 Tahun 2023	38,000,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

	Gudang, Johor (JBA1021)	bentuk			
2.	Kerja-Kerja Awalan Bagi Pembinaan Sekolah Kebangsaan Perigi Aceh, Pasir Gudang, Johor	JKR Johor / Fasa Perolehan	RP3 2023	Tahun	7,000,000.00
3.	Pembangunan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih, Johor	JPN Johor / Fasa Pembinaan	RP3 2023	Tahun	617,490.00
4.	Pembangunan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung Di Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor	JPN Johor / Fasa Pembinaan	RP3 2023	Tahun	648,200.00
5.	Pembinaan Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kota Masai 3, Johor Bahru, Johor Yang Mengandungi 36 Bilik Darjah Serta Kemudahan-Kemudahan Lain Mengikut Piawai	JKR Malaysia / Fasa Pra Pembinaan	RP3 2023	Tahun	80,386,000.00
Jumlah Peruntukan (RM)					126,651,690.00

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B10

Minta dinyatakan strategi dan langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk mempromosikan serta meningkatkan literasi dan kebudayaan negeri Johor, terutamanya melalui pameran yang dijadualkan, demi memastikan Johor bersedia sepenuhnya menyambut kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa pada Tahun Melawat Johor 2026.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B11**

Minta dinyatakan cabaran kerajaan negeri dalam melaksanakan dasar berkait dengan langkah mitigasi banjir di peringkat daerah dan negeri dalam tempoh masa pendek secara holistik rentetan pengumuman pelaksanaan 7 Projek RTB (Rancangan Tebatan Banjir) yang dijangka siap awal pada tahun 2027.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, antara cabaran utama Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar berkait dengan langkah mitigasi banjir di peringkat daerah dan negeri dalam tempoh masa pendek secara holistik rentetan pengumuman pelaksanaan 7 Projek RTB (Rancangan Tebatan Banjir) yang dijangka siap awal pada tahun 2027 adalah dalam memastikan koordinasi pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan dilaksana dengan berkesan.

Antara cabaran Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar berkait dengan langkah mitigasi banjir adalah melibatkan beberapa aspek iaitu:

- i. **Kekangan Kewangan**
Dana yang diperlukan sangat besar dan diluluskan secara berperingkat dan menyebabkan projek lambat dilaksanakan. Kenaikan harga kos bahan binaan memberi impak tambahan pada bajet projek dan menyebabkan kekurangan dana. Ini memaksa projek ditangguhkan atau memerlukan rundingan untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi menampung kos tersebut.
- ii. **Penyelarasan Agensi**
Koordinasi antara agensi-agensi negeri dan persekutuan mengakibatkan kelewatan dalam kelulusan dan pelaksanaan projek.
- iii. **Infrastruktur Lama**
Sistem sedia ada tidak mampu menampung peningkatan kejadian banjir akibat perubahan iklim dan memberi impak apabila berlaku hujan lebat serta fenomena air pasang besar. Perkara ini mengakibatkan penambahbaikan diperlukan segera bagi sistem sedia ada.
- iv. **Sokongan Komuniti**
Kurangnya keterlibatan masyarakat dan kesedaran awam menghalang keberkesanan langkah mitigasi banjir yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.
- v. **Cuaca Tidak Menentu**
Perubahan iklim menyebabkan hujan lebat yang tidak dapat diramal dan menjadikan tindakan segera lebih mencabar sebelum projek siap.
- vi. **Proses Pengambilan Tanah**
Melibatkan lot-lot tanah yang perlu diambil terlebih dahulu oleh pihak kerajaan bagi pelaksanaan projek. Perkara ini memberi impak kepada timeline pelaksanaan komponen-komponen di dalam projek.

i. Isu Pengalihan Utiliti

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

- a) Proses Kelulusan Rekabentuk
 - b) Proses Kelulusan Koridor Utiliti Johor (KUJ)
 - c) Status Memorandum RMK12 TNB yang belum selesai
 - d) Tempoh pengalihan utility
 - e) Utility Mapping perlu disediakan sekiranya tiada data diperolehi daripada Syarikat Utiliti
- i. **Isu Teknikal**
- a) Ketepatan maklumat/data ukur
 - b) Perubahan rekabentuk atas faktor luar jangka
- ii. **Isu Penguatkuasaan**
- a) Pencerobohan rizab sungai
 - b) Bantahan penduduk
 - c) Projek Yang Terlibat : RTB Sg Pemandi, RTB Bandar Batu Pahat
- iii. **Isu Nelayan**
- a) Penyelarasan kerja di tapak antara kontraktor dan nelayan
 - b) Pendapatan nelayan terjejas
 - c) Ternakan ikan sangkar
 - d) Projek Yang Terlibat: RTB Sg Muar Fasa 3 Pakej 1, RTB Sg Johor Fasa 1 Pakej 1
- iv. **Isu Bom Lama**
- a) Tapak tinggalan stor simpanan senjata lama di Sungai Labis
 - b) Projek Yang Terlibat : RTB Sg Muar Fasa 3 Pakej 2
- v. **Isu Heritage**
- a) Terdapat Makam / Monumen peninggalan sejarah
 - b) Pemeliharaan tapak kubu lama berhampiran kawasan projek
 - c) Projek Yang Terlibat : RTB Sg Johor Fasa 1 Pakej 1

Walau bagaimanapun, satu Jawatankuasa Khas telah dibentuk di peringkat Kerajaan Negeri iaitu Mesyuarat *Task Force* Projek Berimpak Tinggi Negeri Johor yang telah ditubuhkan sejak 2022 untuk melaksanakan pemantauan, penyelarasan dan pemudah cara dalam memastikan projek dapat berjalan dengan lebih lancar dan berkesan dalam mencapai matlamat mitigasi banjir.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B12

Minta dinyatakan inisiatif kerajaan negeri bagi mencapai keperluan tenaga mahir mahupun separa mahir dalam pelbagai sektor memandangkan potensi besar negeri Johor sebagai destinasi utama pelaburan terutama dalam konteks *Johor-Singapore Special Economic Zone* (JS-SEZ).

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B13

Minta dinyatakan status terkini penubuhan Johor Talent Development Council untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B14

Minta dinyatakan cabaran kerajaan negeri bagi mempergiatkan hasrat menjadi peneraju transformasi bandar pintar negara menerusi Pelan Induk Bandar Pintar Johor 2030.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B15

Mohon nyatakan syarikat konsesi yang bertanggungjawab dalam penyelenggaraan jalan-jalan pedalaman di kawasan DUN Panti serta perincian skop tugas penyelenggaraan yang berada di bawah tanggungjawab syarikat konsesi tersebut.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk Makluman Yang Berhormat, Jalan Persekutuan yang telah diwartakan dalam kawasan DUN Panti adalah FT91 Jalan Kota Tinggi - Kluang, FT1414 Jalan FELDA Pengeli Timur / Sg.Sibol dan FT1415 Jalan FELDA Linggiu.

Manakala Jalan Negeri yang didaftarkan di bawah jalan MARRIS adalah jalan J175 Jalan Kg Lukut Cina - Kg Batu Ampat, J224 Jalan Semanggar Dalam dan J210 Jalan Petri Jaya bagi DUN Panti.

Untuk makluman Yang Berhormat, konsesi yg terlibat bagi penyelenggaraan jalan persekutuan adalah Syarikat Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd dan Jalan Negeri TETO Engineering Sdn Bhd.

Skop penyelenggaraan Jalan adalah seperti berikut:

- i. RO1 – Pavemen (menampal *pothole* dan *Crack Sealing*)
- ii. RO2 - Bahu Jalan
- iii. RO3 - Pemotongan Rumput
- iv. RO4 - Perabot Jalan
- v. RO5 - Jambatan dan Pembentung
- vi. RO7 - Longkang

Untuk makluman YB selain daripada dua jenis jalan tersebut, jalan-jalan lain yang terlibat adalah Jalan Bandaran di bawah seliaan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT), Jalan Kampung di bawah seliaan Pejabat Daerah dan jalan pertanian di bawah seliaan Jabatan Pengairan Saliran (JPS).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B16

Senaraikan tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri, serta tarikh mula dan jangkaan siap bagi segala usaha menangani konflik antara manusia dan gajah di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B17

Mohon nyatakan sebab Air Terjun Kota Tinggi masih belum dibuka kepada umum sehingga kini.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B18

Mohon senaraikan kawasan pelupusan sampah yang masih aktif di dalam negeri Johor, berserta maklumat kapasiti, tarikh mula, jangkaan tamat penggunaan, dan daerah asal sisa pepejal yang dihantar ke lokasi tersebut.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B19

Apakah strategi pelaksanaan *Johor Talent Development Council* untuk mengatasi masalah hijrah cendekiawan di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B20

Selain Hospital Permai, adakah terdapat hospital lain yang berancang untuk menyediakan Unit Psikiatri Kanak-kanak & Remaja untuk memeriksa dan merawat kes-kes autism secara spesifik?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B21

Di manakah lokasi *Wellness Hub Centre Muar* dan nyatakan jumlah keluasan dan jenis fasiliti yang akan disediakan di pusat ini?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B22

Adakah terdapat kerjasama antara kerajaan negeri dengan sektor swasta untuk mengembangkan lagi industri landskap di Muar?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B23

Nyatakan status perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk mengaplikasikan konsep “Sponge City” dalam pengurusan air perbandaran?

JAWAPAN YB DATO’ HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B24**

Mohon kerajaan negeri menambah peruntukan bagi pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di kawasan-kawasan kampung yang masih memerlukan demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman, projek Lampu Jalan Kampung (LJK) adalah salah satu inisiatif kerajaan yang telah dilaksanakan sebanyak 11 Fasa selama hampir 20 tahun. Sehingga tahun 2024, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memasang lebih 60 ribu unit LJK diseluruh negeri Johor dan bilnya ditanggung sepenuhnya oleh pihak KKDW.

Pada ketika ini, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sedang melaksanakan program Lampu Jalan Kampung (LJK) LED Fasa 11 yang bermula pada Mei 2023 dan dijangka akan berakhir pada November 2024. Secara keseluruhannya, negeri Johor menerima kuota sebanyak 2230 unit LJK LED bagi fasa kali ini.

Untuk makluman, Parlimen Tanjung Piai telah menerima kuota sebanyak 88 unit LJK LED dan untuk DUN Pekan Nanas sebanyak 43 unit telah diluluskan. Untuk status pemasangan, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah selesai proses pemasangan.

Untuk makluman juga, negeri Johor telah diperuntukan kuota sebanyak 1,000 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) Solar bagi tujuan Projek Rintis LJK Solar yang dijalankan di empat buah negeri termasuk negeri Johor. Walau bagaimanapun, perkara ini masih diperingkat perolehan di Ibu Pejabat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan pelaksanaan akan diumumkan kelak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B25

Jalan Kg Ulu Pulai, yang merupakan jalan persekutuan, sering berlaku kemalangan pada selekoh tajamnya, terutama pada waktu malam. Adakah kerajaan negeri akan mengambil tindakan untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan Ulu Pulai merupakan Jalan Negeri (J46) di daerah Pontian yang merupakan antara jalan utama menghubungkan daerah Pontian dan Johor Bahru. Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Johor telah memasang sebanyak 5 lampu jalan solar di Jalan Negeri (J46) iaitu di lokasi persimpangan dan selekoh melibatkan kos sebanyak RM50 Ribu dan kerja pemasangan lampu jalan tersebut telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2024. JKR Pontian telah mengangkat permohonan tambahan pemasangan lampu jalan bagi tahun 2025 di lokasi tersebut dan akan dilaksanakan sekiranya peruntukan diterima.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B26

Ketua-ketua kampung memerlukan komputer riba dan alatan teknologi lain untuk melaksanakan kerja-kerja mereka. Adakah kerajaan negeri akan memberikan bantuan dalam bentuk peruntukan atau sokongan untuk memenuhi keperluan ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN B27**

Apakah status terkini pembinaan jalan pintas Ulu Choh dan bila dijangka projek ini akan siap sepenuhnya untuk digunakan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan jalan yang dimaksudkan adalah Projek Cadangan Membina Jalan Pintas Pekan Nenas Dari Persimpangan Jalan Pekan Nenas - Tg.Piai (J238) - Jalan Sawah (J113) Ke Jalan Gelang Patah - Ulu Choh (J7) yang telah diluluskan didalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 5hb Oktober 2017 dengan siling sebanyak RM27,600,000.00.

Secara umumnya, projek ini melibatkan skop pembinaan jalan baru, menaiktaraf jajaran jalan sediaada, menaiktaraf sistem saliran, pembinaan jambatan baru serta kemudahan infrastruktur lain yang berkaitan. Kerja-kerja rekabentuk telah selesai dilaksanakan dan proses pengambilan balik tanah (PBT) di Daerah Pontian telah selesai keseluruhannya manakala proses pengambilan balik tanah (PBT) bagi Daerah Kulai sedang berjalan pada waktu ini dan proses pembayaran pampasan kepada pemilik terlibat sedang berjalan dan dijangka akan selesai tidak lama lagi.

Selain itu, bagi membolehkan projek ini dapat dilaksanakan di tapak, pihak JKR Negeri Johor perlu memohon supaya siling projek ini dinaikkan berikutan kenaikan kos pembinaan dan kos-kos lain yang berkaitan. Projek ini ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun 2023 dan tahun 2024 bagi memberi keutamaan kepada projek di dalam fasa pembinaan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B28

Adakah kerajaan negeri akan segera merancang dan melaksanakan projek Rumah Mampu Milik Jangka (RMMJ) di Pekan Nanas, memandangkan kawasan tersebut amat memerlukan kemudahan perumahan tersebut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B29**

Apakah perancangan kerajaan negeri berkaitan infrastruktur asas utiliti seperti bekalan air, elektrik, kemudahan Internet dan jalan perhubungan yang lebih selesa kepada rakyat negeri Johor dalam masa terdekat dan perancangan masa hadapan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kemudahan Internet

1. Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa berusaha untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan internet di seluruh negara termasuk di Negeri Johor yang merangkumi perkhidmatan selular dan jalur lebar tetap. Bagi mencapai matlamat tersebut, MCMC telah melancarkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) secara berfasa.
2. Melalui JENDELA Fasa 1, inisiatif pelaksanaan di negeri Johor sehingga Ogos 2024 adalah seperti berikut:
 - a. Sebanyak 250 daripada 307 buah menara baharu telah siap dibina;
 - b. Sebanyak 5,391 daripada 5,392 stesen pemancar sedia ada telah selesai dinaiktaraf;
 - c. 523,980 daripada 552,212 premis telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit; dan
 - d. Penyediaan akses internet menggunakan teknologi satelit di 11 lokasi Kampung Orang Asli telah siap dilaksanakan.
3. Melalui JENDELA Fasa 2, MCMC sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi kawasan yang masih belum mempunyai capaian internet di seluruh negara termasuk Negeri Johor. Faktor bentuk muka bumi dan kedudukan geografi seperti di kawasan berbukit-bukau juga menjadi cabaran bagi mendapatkan, dengan izin, *Line of Sight* (LOS) selain daripada taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan yang rendah, tiadanya infrastruktur asas seperti jalan yang berturap dan punca bekalan elektrik yang stabil dalam pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan.
4. Perancangan JENDELA Fasa 2 sedang diteliti oleh MCMC kerana ia memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai (*fit-for-purpose*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat untuk membiayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini. Penyelesaian pemberian perkhidmatan yang sedang dipertimbangkan pada peringkat perancangan ini mungkin melibatkan pembinaan menara baharu dan penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit.
5. Selain membangunkan infrastruktur komunikasi, MCMC juga telah menyediakan sebanyak 90 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) [sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital] di seluruh Negeri Johor. Orang ramai khususnya rakyat Johor dialu-alukan untuk memanfaatkan perkhidmatan internet dan kursus-kursus asas internet serta e-pembelajaran yang ditawarkan di NADI yang berdekatan. Untuk

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 11 buah NADI lagi bakal didirikan di Negeri Johor dan dijangka akan siap pada penghujung 2024.

6. Sekiranya orang ramai mengalami isu liputan dan kualiti, mereka boleh mengemukakan aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan agar tindakan yang wajar dapat dilakukan. Aduan kepada pihak MCMC juga boleh dilakukan melalui laman sesawang di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Kemudahan Elektrik

1. Untuk makluman YB, bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi, stabil dan berdaya harap, pihak TNB telah merancang serta melaksanakan 5 projek pembinaan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) 33/11kV. Ianya bertujuan untuk menampung permintaan bekalan elektrik tahun 2025 untuk kawasan merangkumi Daerah Kluang, Pontian, Johor Bahru, Pasir Gudang dan Johor Jaya dengan kos projek sebanyak RM171,569,848.47. Kesemua projek PPU ini sedang berjalan dan dijangkakan ianya dapat disiapkan dan dimula tugas pada tahun 2025 kelak. Senarai PPU tersebut:-
 - vi. PPU Seri Impian, Kluang
 - vii. PPU Pekan Nenas, Pontian
 - viii. PPU Gerbang Nusajaya, Johor Bahru
 - ix. PPU Seirra Perdana, Pasir Gudang
 - x. PPU Maju Cemerlang, Johor Jaya

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B30**

Apakah cadangan masa hadapan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang masih tidak dapat menyambung pelajaran diatas sebab-sebab taraf kemiskinan keluarga dan kekurangan dana keluarga untuk menampung semasa pendaftaran dan semasa sesi pembelajaran (urusan tempat tinggal dan urusan harian)?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa komited meningkatkan motivasi murid melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam memenuhi aspirasi negara menuju negara maju.

Bagi menangani isu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak dapat melanjutkan pelajaran disebabkan kekangan kewangan keluarga, beberapa cadangan masa hadapan perlu dipertimbangkan. Pertama, penambahan dana khas pendidikan di peringkat negeri yang disalurkan melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bagi tujuan membantu lebih ramai pelajar miskin. Dana ini boleh digunakan khusus untuk menampung kos pendaftaran, yuran pengajian, dan urusan harian termasuk tempat tinggal, bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada sistem pendidikan.

Cadangan kedua ialah memperluaskan program biasiswa penuh yang menanggung bukan sahaja yuran pengajian tetapi juga kos sara hidup semasa tempoh pembelajaran. Ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama lebih erat antara kerajaan negeri, sektor swasta, dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan jumlah biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. (B40).

Seterusnya, kerajaan negeri disarankan berkolaborasi dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan memperkenalkan program tajaan komuniti di mana komuniti setempat atau pihak industri di Johor boleh menyumbang dalam bentuk dana atau tajaan langsung kepada pelajar yang memerlukan. Selain itu, program ini juga boleh merangkumi program perantisan, di mana pihak industri menawarkan peluang latihan praktikal kepada pelajar lepasan SPM dari keluarga berpendapatan rendah. Ini bukan sahaja membantu menampung kos pembelajaran mereka, tetapi juga memberi pelajar kemahiran dan pengalaman industri yang relevan.

Satu lagi cadangan penting ialah memperkasakan program pendidikan alternatif seperti pembelajaran secara dalam talian atau program sambilan yang lebih fleksibel dari segi kos dan masa. Melalui pendekatan ini, pelajar yang tidak mampu menyambung pengajian sepenuh masa dapat terus belajar tanpa dibebani kos tempat tinggal dan urusan harian yang tinggi.

Selain itu, usaha-usaha meningkatkan kerjasama antara industri swasta dan sektor kerajaan melalui penubuhan pusat bimbingan dan latihan kemahiran secara percuma bagi lepasan SPM yang tidak berpeluang menyambung pelajaran perlu diperluaskan. Pusat-pusat ini boleh menyediakan kursus-kursus kemahiran jangka pendek yang bukan sahaja berkaitan dengan keperluan pasaran kerja seperti keusahawanan, teknologi maklumat, dan kemahiran teknikal, tetapi juga memberi penekanan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Dengan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

menekankan TVET dan STEM, pelajar daripada keluarga miskin akan didedahkan kepada kemahiran yang sangat diperlukan dalam industri masa kini, seperti automasi, teknologi hijau, dan industri digital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor sentiasa dan akan terus berusaha mencari peluang bagi memastikan pelajar lepasan SPM yang berminat untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran. Jabatan Pendidikan Negeri Johor bergerak secara aktif bagi menjalankan hubungan jaringan dan jalinan dengan rakan strategik dan pemain industri TVET. JPN Johor juga mendapat sokongan padu daripada pelbagai Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) dan institusi latihan tajaan negeri antaranya CIDB, Akademik Binaan Malaysia (ABM), Johor SKills, Yayasan Johor Corporation (YPJ), Institut Kemahiran Mara Johor, Kolej Komuniti, Unit Strategik Modal Insan (USMI), Johor Petroleum Development Council (JPDC), JDTC dan pelbagai lagi agensi yang lain.

Di samping itu, terdapat banyak institusi awam dan swasta yang menawarkan yuran pengajian secara percuma kepada lepasan SPM yang kurang kemampuan tetapi berminat untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran. Kebanyakan institusi ini menyediakan pelbagai insentif dan galakan dengan yuran percuma di samping diberikan elaun bulanan seperti Akademik Binaan Malaysia (ABM), CIDB, Johor Skills dan Kolej Komuniti. Pihak PTPK dan PTPTN juga ada menyediakan kemudahan pinjaman bagi membiayai kos pembelajaran sepanjang tempoh pengajian seperti elaun bulanan, penyediaan asrama dan pengangkutan serta lain-lain kemudahan bagi memastikan kumpulan B40, miskin dan miskin tegar dapat melanjutkan pelajaran dan kemahiran bagi menjamin masa depan yang lebih cerah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B31**

Apakah inisiatif yang boleh disalurkan kepada usahawan muda yang baru ingin melibatkan diri dalam perniagaan. Yang mana mereka tiada peralatan dan modal permulaan namun berminat untuk menceburi bidang perniagaan bagi mendapatkan pendapatan keluarga?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Antara inisiatif yang sedang dijalankan menerusi agensi:

- Pernas telah melancarkan Projek Be Your Own Boss (BYOB) pada awal tahun 2021 sebagai mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan. BYOB menawarkan dua (2) program dibawahnya iaitu program “*Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET)*” bagi golongan wanita dan program “*Young Entrepreneurship Engagement Talent (YOUNITY)*” bagi golongan belia; Pernas menyasarkan untuk melahirkan 1,000 francais (graduan, belia, wanita & asnaf) melalui program ini; dan
- Peserta BYOB ditawarkan panduan dan latihan yang beststruktur dan komprehensif (latihan pengurusan kewangan, motivasi & digitalisasi), padananan perniagaan, pembiayaan serta akses kepada pasaran semasa, dan diberi pemantauan selama enam (6) bulan apabila bermulanya perniagaan;
- Inisiatif projek ini bertujuan untuk: Membantu golongan yang telah hilang pekerjaan dan peniaga yang telah menutup perniagaan akibat pandemik ni untuk memulakan perniagaan baharu berkonsepkan francais; Melahirkan lebih ramai golongan usahawan khususnya dalam kalangan wanita dan belia; Membantu mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia yang semakin bertambah khususnya ketika rakyat Malaysia berhadapan dengan kehilangan pekerjaan ketika penularan COVID-19; dan membantu memupuk minat masyarakat untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama.

Franchise Institute.

- Pada masa yang sama, Pernas menerusi *Franchise Institute* menyediakan pelbagai program latihan berfokuskan francais dan keusahawanan secara menyeluruh, serta memberi taklimat kesedaran keusahawanan francais kepada usahawan.

SME Corp. Malaysia menawarkan beberapa program sebagaimana berikut:

- Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE).
- Program ini menyediakan bantuan bagi pembangunan kapasiti berbentuk latihan, geran permulaan perniagaan dan khidmat nasihat kepada belia Bumiputera yang berumur 18 sehingga 30 tahun. Belia Bumiputera yang terpilih akan didedahkan dengan pengetahuan asas dalam menjalankan perniagaan seperti pengurusan akaun asas, sumber manusia, stok dan pemasaran melalui digital seperti *facebook*, *twitter* dan e-Dagang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

Bagi tahun 2024, daripada 802 seluruh Malaysia, seramai 45 belia Bumiputera dari negeri Johor telah tamat menjalani latihan dan telah menerima geran berjumlah RM675,000.00.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B32**

Mendaya dan meningkatkan sistem pendidikan kemahiran, Sedili mencadangkan agar Pusat Giat MARA di bina dalam kawasan DUN Sedili bagi memberi kemahiran dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi kepada generasi setempat.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Pada dasarnya penubuhan GIATMARA adalah mengikut kawasan Parlimen, iaitu 1 Parlimen 1 GIATMARA. GIATMARA Kota Tinggi pernah mewujudkan cawangan yang bertempat di Tanjung Sedili melalui kursus Jahitan Pakaian & Fesyen namun telah ditutup disebabkan faktor kekurangan permintaan komuniti setempat dan GIATMARA Kota Tinggi telah berpindah ke bangunan baharu yang berada di bandar Kota Tinggi dengan menawarkan kursus Teknologi Motosikal dan Jahitan & Rekaan Pakaian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B33

Apakah keberkesanan program *Job Coach PKPDK* dan telah membantu berapa pelatih PDK dapat pekerjaan setakat ini?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B34

Sila nyatakan jumlah paip air lama yang telah diganti sejak 1 Januari 2024 hingga kini mengikut daerah.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ranhill SAJ telah menguruskan jajaran paip sepanjang lebih 24,000km bagi membekalkan air bersih untuk pengguna di negeri Johor. Berdasarkan rekod terkini, sebanyak 26.3% atau 6,347,91 km adalah paip lama jenis Asbestos Cement (AC) masih wujud dan kerja-kerja penggantian paip lama ini akan ditukar dengan pelbagai jenis serta saiz seperti uPVC, Mild steel dan HDPE.

Pihak Ranhill SAJ komited dalam memastikan bekalan air yang dibekalkan kepada pengguna di seluruh negeri Johor adalah stabil dan berkualiti. Lampiran di bawah adalah data penggantian paip lama yang sedang dilaksanakan.

Berikut merupakan jumlah atau rekod terkini panjang paip yang telah diganti dari Januari 2024 mengikut daerah:

Daerah	Panjang Paip (km)	Panjang Paip AC (km)
Johor Bahru	8,023.8	1,452.51
Kluang	2,241.56	704.79
Kota Tinggi	2,162.24	581.68
Mersing	765.22	207.01
Batu Pahat	3,780.69	1283.90
Muar	3,404.13	977.72
Segamat	1,864.62	857.42
Pontian	1,906.90	281.98

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B35

Sila nyatakan keberkesanan projek *Kulai Fast Lane* dan adakah ia akan dilaksanakan di PBT seluruh Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B36

Sila nyatakan bilangan penumpang Bas Muafakat Johor bagi tahun 2023 mengikut semua laluan di setiap PBT.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Perkhidmatan bas percuma di Negeri Johor adalah inisiatif dan keprihatinan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan awam secara percuma dan meringankan kos sara hidup.

Jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini serta jumlah laluan baru dilihat meningkat setiap tahun. Purata setiap tahun pengguna perkhidmatan percuma Bas Muafakat Johor adalah seramai 1.5 juta pengguna.

Berikut merupakan statistik bilangan penumpang Bas Muafakat Johor bagi tahun 2023:

PBT	TAHUN		
	2021	2022	2023
MBJB	427322	609788	644829
MBIP	429343	611810	646852
MBPG	34243	49518	84754
MPKU	35849	68953	72504
MPM	29262	44695	76030
MPBP	18078	17860	18742
MPP _n	8336	36814	38920
MPP	19482	36732	39546
MPK	34880	43080	52954
MPS	14607	26532	41432
MDT	15162	18420	22204
MDKT	17237	21734	51685
MDSR	18847	42702	83179
MDM	17200	27714	54023
MDYP	7630	8947	9857
MDL	6246	8848	12284
JUMLAH	1133724	1674147	1949795

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B37

Sila nyatakan bilangan yang berjaya dapat pekerjaan melalui Program Gerak Kerjaya *MYFutureJobs* sejak awal tahun 2024 mengikut daerah.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B38

Selain peruntukan geran daripada kerajaan persekutuan, adakah kerajaan negeri ada menyalurkan geran tahunan kepada KRT yang aktif dalam negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN B39**

Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh YPJ bagi DUN Pemanis untuk skim bantuan pendaftaran ke IPT bagi tahun 2023 dan 2024?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor telah menyediakan pelbagai Bantuan Pendidikan kepada rakyat di negeri Johor khususnya kepada pelajar lepasan SPM yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh Malaysia sama ada bagi taraf Diploma mahupun Ijazah Sarjana Muda.

Yayasan Pelajaran Johor menawarkan **Skim Bantuan Pendaftaran (SBP)** kepada Mahasiswa Anak Johor yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat IPTA dan IPTS terpilih bagi taraf Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Dengan adanya bantuan ini, ia dapat digunakan oleh mahasiswa ataupun keluarga tersebut untuk menampung kos-kos pendaftaran awal ke peringkat pengajian yang dipilih.

Bagi kawasan DUN Pemanis pada tahun 2023 adalah sebanyak 21 pelajar. Manakala 2024 pula setakat ini adalah sebanyak 12 pelajar yang telah berjaya dan 47 pelajar masih dalam semakan.

SKIM BANTUAN PENDAFTARAN YPJ

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B40

Boleh nyatakan berapakah jumlah Rumah Mampu Milik Johor dalam DUN Pemanis mengikut kategori seperti berikut: 1. Dalam Perancangan/Permohonan; 2. Dalam pembinaan; 3. Siap dibina?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B41

Bolehkah disenaraikan jumlah usahawan DUN Permanis yang telah berdaftar dan menerima bantuan geran, pinjaman dan peruntukan *In Kind* daripada kerajaan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Yang Berhormat, setakat 30 September 2024, mengikut Rekod Pusat Data Usahawan Johor (PADU PUJB), terdapat 122 usahawan dalam DUN Pemanis yang berdaftar:

a) Bagi bantuan geran yang telah diagihkan menerusi PUJB seperti berikut:-

1. Misi Jejak PMKS Johor 2024 – Melibatkan 5 penerima dengan jumlah sehingga RM14,000.00.
2. Bantuan Stall Peniaga DUN Pemanis 2024 – melibatkan 10 penerima dengan nilai RM31,300.00.

b) Bagi bantuan Jabatan Pertanian Negeri Johor seperti berikut:-

1. Penerima Insentif Jabatan Pertanian Negeri Johor bagi DUN PERMANIS melibatkan 41 penerima dengan nilai RM 249,180.00.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B42

Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan Karnival Kebudayaan Negeri Johor sama konsepnya seperti Sukan Bangsa Johor di setiap DUN?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN B43

Minta kerajaan negeri menjelaskan perancangan bagi mencegah dan membendung penularan wabak penyakit cacar monyet atau monkeypox yang boleh terjadi di Johor.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B44**

Mohon kerajaan negeri menjelaskan status terkini kerja-kerja pembaikan jalan di FELDA Ulu Tebrau dan kos yang digunakan bagi kerja-kerja pembaikan tersebut serta butiran perbelanjaan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan FELDA Ulu Tebrau merupakan jalan (Persekutuan) hak milik JKR. Jalan ini menghubungkan antara Bandar Ulu Tiram ke Jalan J105 Daerah Kulai. Jalan ini menjadi laluan utama berbagai jenis kenderaan sebagai laluan alternatif ke senai.

Panjang jalan ini adalah sepanjang 12.00 KM dengan fungsi 1 lorong 2 laluan, jalan ini mengalami kerosakan kerana mempunyai struktur asal jalan yang tidak mengikut spesifikasi jalan JKR kerana jalan telah diserahkan kepada pihak JKR dari pihak FELDA.

Pihak JKR telah memohon peruntukan bagi membaiki jalan ini pada tahun 2023 dan mendapat kelulusan peruntukan pembaikan jalan pada tahun 2024 dengan beberapa jenis kaedah pembaikan seperti mill&pave dan CIPR.

Antara projek yang akan dibangunkan adalah sebagaimana berikut:

BIL	NO ARAHAN KERJA	TAJUK KERJA	KEMAJUAN KERJA DI TAPAK	KOS DAN PERBELANJAAN
1	JKRJB/AK/01/2024/BP	KERJA-KERJA RECONSTRUCTION / PARTIAL RECONSTRUCTION DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 11.00-12.00 (L&R / LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100 %	1,000,000.00 Sudah dibayar
2	JKRJB/AK/02/2024/BP	KERJA-KERJA PARTIAL RECONSTRUCTION DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 10.00-11.00 (L&R / LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

3	JKRJB/AK/03/2024/BP	KERJA-KERJA PARTIAL RECONSTRUCTION DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 9.00-10.00 (L&R / LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar
4	JKRJB/AK/04/2024/BP	KERJA-KERJA PARTIAL RECONSTRUCTION DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 8.00-9.00 (L&R / LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar
5	JKRJB/AK/05/2024/BP	KERJA-KERJA PARTIAL RECONSTRUCTION DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 7.00-8.00 (L&R / LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar
6	JKRJB/AK/06/2024/BP	KERJA-KERJA PARTIAL RECONSTRUCTION DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 6.00-7.00 (L&R / LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

7	JKRJB/AK/09/2024/BP	KERJA-KERJA CIPR, MILL & PAVE SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 3.00-4.00, DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar
8	JKRJB/AK/10/2024/BP	KERJA-KERJA CIPR, MILL & PAVE SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 4.00-5.00 , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar
9	JKRJB/AK/11/2024/BP	KERJA-KERJA CIPR, MILL & PAVE SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN (AC14) DI LALUAN FT1375, JALAN FELDA ULU TEBRAU DALAM SEKSYEN 1.00-3.00 (LOCALISED) , DAERAH JOHOR BAHRU	100%	1,000,000.00 Sudah dibayar

Projek-projek ini penyelenggaraan jalan ini telah disiapkan pada tahun 2024 selari dengan perancangan JKR Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN B45

Apakah tindakan jangka pendek dan panjang yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Firma 2, Kawasan Perindustrian Tebrau 4, yang sering menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Bagi memastikan masalah banjir kilat di Jalan Firma 2, Kawasan Perindustrian Tebrau 4 dapat diatasi, pihak MBBJ akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula sistem perparitan jalan di kawasan selekoh kawasan tersebut bermula pada awal November 2024 bertujuan bagi melancarkan aliran air di atas permukaan jalan supaya tidak bertakung.

Pihak MBBJ juga akan terus memantau keadaan semasa di kawasan tersebut dan tindakan penambahbaikan akan diambil dari masa ke semasa bagi memastikan masalah tersebut dapat dikal dan seterusnya diatasi pada masa akan datang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN B46

Mohon penjelasan mengenai usaha kerajaan negeri untuk mendesak JKR memasang lebih banyak lampu jalan di jalan masuk FELDA Ulu Tebrau bagi mengelakkan kemalangan maut yang kerap berlaku di kawasan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri peka tentang isu keselamatan di jalan masuk FELDA Ulu Tebrau dan pihak JKR telah pun membuat permohonan untuk pemasangan lampu jalan kepada Cawangan Fasiliti Jalan, Kementerian Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN B47

Apakah langkah kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah lampu jalan yang sering tidak berfungsi di Jalan Menawan 1, Jalan Ayu 22, Taman Pelangi Indah, Jalan Bukit Mutiara, dan Jalan Pandan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B48

Nyatakan statistik tahun 2024 kes penderaan kanak-kanak di negeri Johor dan usaha kerajaan negeri untuk membanteras taska tidak berdaftar di negeri ini.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B49

Mohon kerajaan negeri menyatakan senarai terkini projek naik taraf sungai-sungai yang telah mendap dan runtuh di kawasan DUN Penawar berserta status terkini dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa saluran atau sungai yang memerlukan kerja-kerja pembaikan atau penyelenggaraan telah dikenalpasti oleh JPS bagi DUN Penawar.
 - i. Kerja-kerja yang telah siap dilaksanakan adalah:
 - ii. Kerja-kerja membaiki tebing Sungai Chemaran (RM425,000.00 – peruntukan MARRIS),
 - iii. Kerja penyelenggaraan Sungai Chemangar (RM19,800 – Peruntukan mengurus negeri),
 - iv. Kerja mendalamkan Sg Lebam (RM19,600.00 – Peruntukan mengurus negeri).
2. Kerja-kerja yang sedang dilaksanakan pula adalah:
 - i. Kerja-kerja mendalamkan Sungai Chemaran (RM160,500.00 – peruntukan KEJORA),
 - ii. Kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Papan (RM48,800.00 – peruntukan mengurus negeri) dan
 - iii. Kerja membaiki pulih tebing serta kerja berkaitan di FELDA Air Tawar 1 (RM147,400.00 – peruntukan persekutuan).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B50

Apakah usaha kerajaan negeri untuk mempercepat pembinaan perumahan generasi kedua di kawasan FELDA di negeri Johor terutama dari segi penyediaan infra asas seperti jalan raya, elektrik dan air?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Pihak FELDA telah menyediakan reka bentuk rumah yang *standard* dengan kemudahan pembiayaan daripada pihak Agro Bank yang diuruskan oleh anak Syarikat FELDA iaitu FIC Supplies Sdn. Bhd. Projek perintis bagi pembinaan skim perumahan ini adalah di FELDA Bkt. Ester (5 unit).

Inisiatif FELDA untuk melaksanakan "*pre-collaboration signing*" (Masih belum dimuktamadkan) bersama pihak MyAngkasa Bina yang telah dilaksanakan pada Hari Peneroka 2024. FELDA dengan Kerjasama MyAngkasa Bina telah menyediakan pilihan yang baharu kepada pemilik lot untuk membuat permohonan kelulusan seterusnya proses pembinaan dilaksanakan. Selain itu, FELDA dan MyAngkasa juga telah melaksanakan sesi libat urus bersama sebahagian jawatankuasa bertindak LGF di FELDA Wilayah Johor Bahru dan Segamat.

FELDA juga telah meluluskan peruntukan dalaman selaras dengan pengumuman secara bersama (Kerajaan Negeri – Kerajaan Persekutuan – FELDA) yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan semasa PRN Negeri Johor bagi pembinaan infrastruktur asas utama iaitu jalan (*crusher run*), paip bekalan air, bekalan elektrik dan sistem perparitan yang boleh di pohon oleh Rancangan yang memenuhi syarat untuk penyaluran peruntukan. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada konsep "*first come first serve*" sehingga peruntukan tersebut habis digunakan.

FELDA juga telah mengemukakan permohonan kelulusan infrastruktur asas kepada pihak Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) bagi kelulusan peruntukan pelaksanaan LGF di seluruh FELDA termasuk di negeri Johor. Namun ia masih diperingkat pertimbangan awal oleh pihak KKDW.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B51

Adakah terdapat peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri Johor, khusus untuk membaik pulih atau menaik taraf surau-surau di sekolah rendah dan menengah di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor sentiasa berusaha membantu secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan surau-surau di sekolah di negeri Johor dalam keadaan selesa, kondusif dan memudahkan anak-anak murid negeri Johor dapat beribadah dan menjalankan aktiviti keagamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor akan mempertimbangkan sebarang permohonan peruntukan khas penyelenggaraan, pembaikan dan naik taraf surau sekolah jika terdapat keperluan dari semasa ke semasa tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan kerajaan Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B52**

Nyatakan jumlah peruntukan untuk pembangunan Tabika KEMAS dan usaha kerajaan untuk membantu Tabika-Tabika KEMAS yang daif di negeri ini. Keadaan Tabika Kemas yang agak uzur dan perlu dinaik taraf seiring dengan peredaran masa.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Terima kasih atas keperihatinan YB terhadap pembangunan Tabika KEMAS di negeri Johor.

Untuk makluman YB, jumlah peruntukan yang diterima untuk naiktaraf dan baik pulih Tabika KEMAS pada tahun 2024 adalah sebanyak RM2,143,000.00 bagi pelaksanaan 53 projek.

Untuk makluman YB juga, berikut adalah senarai projek naiktaraf dan baikpulih Tabika KEMAS di DUN Penawar:

Bil	Senarai Tabika	Peruntukan
1	Tabika KEMAS Air Tawar 4, Kota Tinggi	RM29,904.00
2	Tabika KEMAS Felda Air Tawar 5, Kota Tinggi	RM39,825.00
3	Tabika KEMAS Bandar Penawar, Kota Tinggi	RM49,990.00
4	Tabika KEMAS Felda Papan Timur Pengerang, Kota Tinggi	RM20,000.00
JUMLAH		RM139,719.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B54**

Mohon dinyatakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB yang telah dibangunkan dalam daerah Batu Pahat terutama dalam DUN Parit Yaani. Apakah Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk dibangunkan rumah seumpama RMR bagi menampung keperluan perumahan rakyat dikawasan kampung tradisi seperti diParit Yaani

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B55**

Mohon pihak kerajaan negeri mengkaji semula sistem perparitan di kawasan DUN Parit Yaani terutama kawasan taman di Parit Besar kerana perumahan baru tumbuh bagai cendawan yang mengakibatkan banjir kilat di kawasan taman-taman lama seperti Taman Sri Wangsa.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B56**

Mohon pihak kerajaan negeri nyatakan cadangan dan tarikh perlaksanaan TMIYC yang bakal dilaksanakan di setiap daerah terutama dalam kawasan DUN Parit Yaani kerana di kawasan DUN Parit Yaani tiada pusat sukan dan riadah.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Pembinaan TMIYC di daerah Batu Pahat telah dicadangkan untuk dibina di Taman Pura Kencana, yang mana telah dirizabkan tanah bagi kompleks sukan seluas 10.58 ekar. Taman Pura Kencana terletak di kawasan DUN Parit Raja yang mana bersebelahan dengan DUN Parit Yaani dan di dalam Parlimen yang sama iaitu Parlimen Sri Gading.

Cadangan konsep pembinaan adalah terdiri daripada Pintu Masuk Utama, Tapak Parkir Awam dan *Food Truck*, Pejabat/e-Sport/Studio/Gymnasium, Kabin Usahawan Belia, Dataran dan Pentas, *Remote Control Track* (RC Track), Surau, Laman Belia, Gelanggang Bola Keranjang, dan Taman Permainan.

Keluasan binaan keseluruhan adalah 10.58 ekar. Anggaran kos bagi pelaksanaan projek ini adalah RM20 juta dan permohonan peruntukan telah dikemukakan pada tahun 2021 ke KPKT namun sehingga kini peruntukan masih belum lagi diperolehi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B57**

Mohon dinyatakan langkah-langkah pihak kerajaan negeri dan pusat menangani isu anak di bawah jagaan pengasuh/taska, ini kerana sejak akhir ini terlalu ramai bayi yang meninggal dunia akibat kes penderaan dan pengabaian.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B58

Senaraikan mengikut daerah di Johor: Jumlah jarak paip air yang sedia, jumlah jarak paip yang dikenal pasti sudah lama, jumlah jarak paip air yang telah ditukar.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ranhill SAJ telah menguruskan jajaran paip sepanjang lebih 24,000km bagi membekalkan air bersih untuk pengguna di negeri Johor. Berdasarkan rekod terkini, sebanyak 26.3% atau 6,347,91 km adalah paip lama jenis Asbestos Cement (AC) masih wujud dan kerja-kerja penggantian paip lama ini akan ditukar dengan pelbagai jenis serta saiz seperti uPVC, Mild steel dan HDPE.

Pihak Ranhill SAJ komited dalam memastikan bekalan air yang dibekalkan kepada pengguna di seluruh negeri Johor adalah stabil dan berkualiti. Lampiran di bawah adalah data penggantian paip lama yang sedang dilaksanakan.

Berikut merupakan jumlah atau rekod terkini panjang paip yang telah diganti dari Januari 2024 mengikut daerah:

Daerah	Panjang Paip (km)	Panjang Paip AC (km)
Johor Bahru	8,023.8	1,452.51
Kluang	2,241.56	704.79
Kota Tinggi	2,162.24	581.68
Mersing	765.22	207.01
Batu Pahat	3,780.69	1283.90
Muar	3,404.13	977.72
Segamat	1,864.62	857.42
Pontian	1,906.90	281.98

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B59

Senaraikan jumlah kutipan Tol PLUS di CIQ BSI sejak Januari 2023 sehingga Ogos 2024 mengikut bulan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran purata bulanan jumlah kutipan tol PLUS di CIQ BSI adalah sebanyak RM1.3 juta dan RM1.6 juta masing-masing bagi tahun 2023 serta 2024.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B60

Apakah perkembangan terkini dan rancangan yang sedia ada dalam menyelesaikan isu ketidakcukupan tempat parkir di Hospital HSA, Johor Bahru?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B61

Apakah status terkini berkenaan dengan rancangan pembukaan laluan alternatif dari bahagian EDL ke CIQ BSI?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Projek IM – Penambahbaikan Persimpangan Bertingkat Lebuhraya EDL – Jalan Lingkaran Dalam dan Jalan Tebrau adalah suatu projek strategik Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) untuk menambahbaik kesalinghubungan antara jalan dan persimpangan utama, penyuraian trafik dan tahap perkhidmatan jalanraya dari Jalan Tebrau ke Lebuhraya Eastern Dispersal Link (EDL).
2. Siling peruntukan bagi pembinaan projek ini telah diluluskan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Rolling Plan 3 (RP3) yang merangkumi kos untuk kajian kemungkinan, rekabentuk terperinci dan pembinaan.
3. Skop projek ini merangkumi komponen-komponen pembinaan seperti berikut:
 - a) *Scope No.1: Construction of two (2) new elevated ramps, and improvement to the existing CIQ interchange;*
 - b) *Scope No.2 – Improvement of Jalan Lingkaran Dalam / Jalan Tebrau interchange;*
 - c) *Scope No.3 – Improvement of Jalan Lingkaran Dalam / Jalan Tun Abdul Razak interchange;*
 - d) *Scope No.4 – Improvement of Jalan Lingkaran Dalam / Jalan Yahya interchange;*
 - e) *Scope No.5 – Construction of new double elevated U-turn near Jalan Serampang;*
 - f) *Scope No.6 – Construction of new elevated U-turn near Jalan Dato' Sulaiman;*
 - g) *Scope No.7 – Construction of new Bakar Batu interchange;*
 - h) *Scope No.8 – Construction of new double elevated U-turn Jalan Suria Utama/Jalan Bunga Ros;*
 - i) *Scope No.9- Closure and removal of existing signalized junctions;*
 - j) *Scope No.10- Closure of the existing U-turn near the existing signalized junction of Jalan Tebrau/Jalan Utama/Jalan Rebong;*
 - k) Pengambilan Balik Tanah;
 - l) Pengalihan utiliti.
4. Pihak IRDA telah melaksanakan proses perolehan bagi pelantikan Kontraktor Reka dan Bina yang meliputi proses panggilan untuk pra-kelayakan dan pra-bida dan telah dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 8 Ogos 2024.
5. Pihak IRDA telah mengeluarkan Surat Niat pada 27 Ogos 2024 dan Surat Setuju Terima kepada Kontraktor Reka dan Bina pada 10 September 2024. Tarikh Milik Tapak adalah pada 1 Oktober 2024 di mana tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama Empat Puluh Lapan (48) bulan dan Dua Puluh Empat (24) untuk Tempoh Tanggungan Kecacatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

6. *Outcome* projek ini adalah seperti berikut:

- a) Peningkatan Tahap Perkhidmatan (LoS) sekurang-kurangnya LoS D di jalan dan persimpangan utama (Persimpangan EDL/JLD, Persimpangan JLD/Jalan Tebrau, Persimpangan Jalan Bakar Batu/ Jalan Tebrau dan Persimpangan JLD/TAR) pada tahun 2030;
- b) Peningkatan pelaburan di Iskandar Malaysia daripada RM354 bilion pada tahun 2021 kepada RM527.6 bilion pada tahun 2030;
- c) Peningkatan kualiti hidup rakyat melalui penjimatan 50% tempoh masa perjalanan dari 30 minit ke 15 minit pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B62

Apakah status perkembangan pembinaan jalan pintas dari Jalan Sawah ke Pekan Ulu Choh?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan jalan yang dimaksudkan adalah Projek Cadangan Membina Jalan Pintas Pekan Nenas Dari Persimpangan Jalan Pekan Nenas - Tg.Piai (J238) - Jalan Sawah (J113) Ke Jalan Gelang Patah - Ulu Choh (J7) yang telah diluluskan didalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 5hb Oktober 2017 dengan siling sebanyak RM27,600,000.00.

Secara umumnya, projek ini melibatkan skop pembinaan jalan baru, menaiktaraf jajaran jalan sediaada, menaiktaraf sistem saliran, pembinaan jambatan baru serta kemudahan infrastruktur lain yang berkaitan. Kerja-kerja rekabentuk telah selesai dilaksanakan dan proses pengambilan balik tanah (PBT) di Daerah Pontian telah selesai keseluruhannya manakala proses pengambilan balik tanah (PBT) bagi Daerah Kulai sedang berjalan pada waktu ini dan proses pembayaran pampasan kepada pemilik terlibat sedang berjalan dan dijangka akan selesai tidak lama lagi.

Selain itu, bagi membolehkan projek ini dapat dilaksanakan di tapak, pihak JKR Negeri Johor perlu memohon supaya siling projek ini dinaikkan berikutan kenaikan kos pembinaan dan kos-kos lain yang berkaitan. Projek ini ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun 2023 dan tahun 2024 bagi memberi keutamaan kepada projek di dalam fasa pembinaan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B63**

Apakah langkah kerajaan negeri untuk mempercepatkan peningkatan infrastruktur telekomunikasi dan akses Internet di kawasan luar bandar seperti Bukit Batu, bagi memastikan masyarakat di kawasan ini tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa berusaha untuk menambahbaik liputan internet di seluruh negara termasuk di negeri Johor. Bagi meningkatkan capaian telekomunikasi dan akses internet di kawasan luar bandar agar Masyarakat luar bandar tidak ketinggalan di dalam arus pendigitalan, Kerajaan telah melancarkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).
2. Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pelaksanaan inisiatif sehingga Ogos 2024 di DUN Bukit Batu adalah seperti berikut:
 - i. Kesemua enam (6) buah menara baharu telah siap dibina;
 - ii. Kesemua 101 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf;
 - iii. Kesemua 20,199 premis telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit.
3. Selain membangunkan infrastruktur komunikasi, MCMC juga telah menyediakan sebanyak 90 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) [sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDI)] di seluruh negeri Johor. Orang ramai khususnya rakyat Johor adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan perkhidmatan internet dan kursus-kursus asas internet serta e-pembelajaran yang ditawarkan di NADI yang berdekatan.
4. Di DUN Bukit Batu terdapat sebuah NADI sedia ada iaitu di FELDA Bukit Batu yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk sekitar.
5. Sekiranya orang ramai mengalami isu liputan dan kualiti, mereka boleh mengemukakan aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan agar tindakan yang wajar dapat dilakukan. Aduan kepada pihak MCMC juga boleh dilakukan melalui laman sesawang di <https://aduan.mcmc.gov.my>.
6. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk melayari laman sesawang <https://jendela.my> bagi mengetahui inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pihak MCMC. Pengguna boleh menyemak liputan perkhidmatan internet serta memberikan maklum balas tahap perkhidmatan internet di kawasan mereka di laman tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B64**

Dengan peningkatan jumlah pelajar di Bukit Batu dan kawasan sekitar, apakah perancangan kerajaan negeri untuk membina atau menaik taraf kemudahan pendidikan, termasuk sekolah rendah dan menengah, bagi memenuhi permintaan dan mengelakkan kesesakan di sekolah-sekolah sedia ada?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik serta kondusif bagi menjamin akses pendidikan di sesuatu kawasan, serta menjaga keselamatan dan keselesaan warga sekolah. Perkara ini penting bagi memastikan murid-murid boleh belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod JPN Johor terdapat keperluan untuk penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada dan pembinaan sekolah baharu di kawasan Bukit Batu. JPN Johor telah diluluskan projek pembinaan bangunan tambahan 18 bilik darjah, 2 makmal sains, bengkel RBT dan lain-lain kemudahan di Sekolah Kebangsaan Polis Kem, Kulai, Johor (JBA8009) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 4 (RP4)* Tahun 2024. Status pelaksanaan projek ini adalah di peringkat fasa rekabentuk iaitu melibatkan skop kerja awalan seperti siasatan tanah, ukur tanah dan *utility mapping*.

Selain itu, JPN Johor telah merangka pelan jangka masa panjang dan mengambil kira penambahan taman perumahan di sekitar kawasan tersebut yang semakin banyak, JPN Johor melalui Pejabat Pendidikan Daerah Kulai (PPD Kulai) sedang meneliti keperluan dan mengenal pasti cadangan awal tapak di kawasan Bukit Batu. JPN Johor akan mengemukakan permohonan pembinaan sekolah atau bangunan tambahan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) setelah selesai urusan pemilikan cadangan tapak tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor mengambil langkah yang proaktif untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani isu penyediaan kemudahan pendidikan terutama di kawasan yang sedang dan rancang membangun. Antara langkah dan usaha yang diambil oleh pihak JPN Johor bagi mengatasi masalah tersebut adalah mengawal pendaftaran murid di sesebuah sekolah, penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada dan pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Dalam konteks pembinaan sekolah baharu, JPN Johor akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci dengan mengambil kira bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan (*catchment area*), serta perancangan pembangunan berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi sesebuah kawasan.

JPN Johor komited bagi mengenal pasti keperluan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian dan keperluan dalam kalangan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

masyarakat setempat khususnya di DUN Bukit Batu agar menepati hasrat dalam perancangan kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B65**

Apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan infrastruktur digital di sekolah-sekolah di Bukit Batu bagi memastikan pelajar di kawasan ini mendapat akses kepada teknologi dan pendidikan dalam talian yang lebih baik?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk melaksanakan yang terbaik untuk melengkapkan semua sekolah dengan akses Internet berkelajuan tinggi, peranti digital dan kemudahan IT yang lain.

Selaras dengan Hasrat KPM agar pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital dapat merealisasikan iltizam dan aspirasi KPM untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dengan meningkatkan kemudahan internet di semua sekolah di negara ini, kerajaan negeri Johor sentiasa komited dalam usaha memastikan pelajar-pelajar di negeri Johor mendapat akses kepada teknologi dan pendidikan dalam talian yang lebih baik dengan meningkatkan infrastruktur digital khususnya di sekolah-sekolah di Bukit Batu bagi membolehkan pendidikan digital dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk memastikan pelajar-pelajar mendapat akses kepada teknologi dan pendidikan dalam talian yang baik, JPN Johor telah membekalkan talian internet untuk semua sekolah-sekolah di negeri Johor khususnya di dun Bukit Batu seperti berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH	TALIAN INTERNET	TEKNOLOGI	BIL TALIAN
1	Sekolah Kebangsaan Ayer Manis	MAXIS	BROADBAND	3
2	Sekolah Kebangsaan LKTP Bukit Batu	TM UNIFI	FIBER	3
3	Sekolah Kebangsaan Polis Kem	TM UNIFI	FIBER	3
4	Sekolah Kebangsaan Sri Gunung Pulai	TM UNIFI	FIBER	1
5	Sekolah Kebangsaan Taman Kota Kulai	TM UNIFI	FIBER	3
6	Sekolah Kebangsaan Taman Kota Kulai 2	TM UNIFI	FIBER	3
7	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ching Yeh	TM UNIFI	FIBER	3
8	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Batu	TM UNIFI	FIBER	3
9	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Bemban	TM UNIFI	FIBER	3
10	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sawit	TM UNIFI AIR	BROADBAND	3

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

11	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kulai Besar	TM UNIFI	FIBER	3
12	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Kulai Oil Palm	TM UNIFI	FIBER	3
13	Sekolah Menengah Kebangsaan Kelapa Sawit	TM UNIFI	FIBER	3
14	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kota Kulai	TM UNIFI	FIBER	3
15	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Putri	TM UNIFI	FIBER	3
16	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Batu	MAXIS	BROADBAND	3

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM sedang merancang untuk menaik taraf capaian internet yang mengutamakan teknologi fiber dengan kelajuan minimum 100Mbps sehingga 1,500Mbps bergantung kepada saiz dan populasi premis institusi pendidikan serta institusi lain bawah KPM. Selain itu, KPM juga bercadang untuk menaik taraf infrastruktur rangkaian dalaman yang membolehkan internet dicapai dari semua lokasi dalam kawasan premis institusi bawah KPM.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN B66**

Apakah program latihan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan negeri khusus untuk golongan belia di Bukit Batu bagi membantu mereka meningkatkan peluang pekerjaan, terutamanya dalam bidang teknologi dan keusahawanan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan peluang kepada belia untuk mengikuti latihan kemahiran di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara. Terdapat dua ILKBS di Negeri Johor iaitu Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Pagoh dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar. IKTBN Pagoh menawarkan kursus kemahiran bagi bidang Mekanikal, manakala IKBN Bandar Penawar menawarkan kursus Hospitaliti, Perhotelan, Mekanikal, Minyak dan Gas.

Program yang ditawarkan di kedua-dua ILKBS tersebut adalah di peringkat sijil dan diploma kemahiran yang diiktiraf oleh industri. Kadar kebolehpasaran pelajar IKTBN Pagoh bagi tahun 2023 adalah sebanyak 98.47% bekerja dalam tempoh enam bulan dengan purata pendapatan sebanyak RM2,310.86. Manakala bagi IKBN Bandar Penawar, kadar kebolehpasaran pelajar adalah 98.15% dengan purata pendapatan sebanyak RM1,812.12.

Di samping itu juga, para pelajar didedahkan dengan elemen keusahawanan sebagai subjek elektif bagi memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri selepas tamat pengajian di ILKBS.

Bagi membantu belia-belia yang mempunyai kekangan dari segi masa untuk mengikuti latihan sepenuh masa, ILKBS juga menawarkan kursus-kursus separuh masa atau Jangka Pendek di **IKBN City Campus yang terletak di Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru** untuk peningkatan kemahiran belia melalui pelaksanaan Program Barista, Pengurusan Kafe, Pembuatan Pastri, Fotografi, Teknologi Pengendalian *Drone* di Johor.

Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Usahawan Johor memfokuskan kepada memberi tumpuan kepada pembangunan bakat melalui inisiatif peningkatan dan penyesuaian kemahiran untuk memastikan tenaga kerja memenuhi keperluan industri dengan bekerjasama dengan institusi pendidikan dan pemain industri. Ia juga menggalakkan transformasi digital dengan mendorong penggunaan teknologi dan terutama menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam melaksanakan penyelesaian digital.

Oleh yang demikian, program yang berbentuk latihan atau kursus jangka pendek telah dianjurkan dalam bentuk fizikal atau secara dalam talian. Latihan akan memfokuskan pendigitalan PMKS secara amnya dalam memperkasakan e-commerce.

Sehingga 1 Oktober 2024 sebanyak 70 kursus yang telah dilaksanakan oleh Pujb melibatkan seramai 3000 usahawan yang mendapat manfaat menerusi kursus tersebut. Antaranya Kursus Artificial Intelligence (AI) dalam perniagaan, Kursus Autocount bersama MAXIS, Kursus E-Commerce dalam Pemasaran Tempatan serta kursus marketing bersama MDEC.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN B67

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menambah baik sistem saliran di kawasan pertanian di Bukit Batu bagi mengelakkan kerugian kepada petani akibat banjir atau kelembapan tanah?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan sektor pertanian dimajukan dan tidak ketinggalan. Bagi mengatasi masalah sistem saliran pertanian yang kerap mengalami masalah banjir, satu kajian menyeluruh akan dibuat sama ada dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri mahupun kerjasama dengan kerajaan persekutuan.

Beberapa kajian bagi meningkatkan sistem saliran pertanian telah disiapkan antaranya di Tanjung Kupang di daerah Johor Bahru dan akan dilaksanakan pada peringkat fizikal setelah diluluskan peruntukan pembangunan. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri melalui JPS akan sentiasa melihat pembangunan semula kawasan-kawasan pertanian yang lain seperti di kawasan Bukit Batu.

Bagi tindakan jangka pendek, kerja-kerja penyelenggaraan saliran pertanian di Bukit Batu akan dibuat melalui JPS Johor berdasarkan kepada pertuntukan sedia ada dalam memastikan risiko banjir dapat dikurangkan sekaligus dapat mengurangkan kerugian kepada petani.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B71**

Apakah penambahbaikan yang telah dibuat keatas konsep Karakter Murid Johor? Apakah perancangan pada masa akan datang untuk memastikan Karakter Murid Johor ini akan terus dapat melahirkan murid yang dapat diasimilasikan dengan aspirasi Maju Johor? Bagaimanakah penglibatan ADUN dapat membantu merealisasikannya?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan pembentukan dan pemerkasaan Karakter Murid Johor (KrMJ) berjalan seiring dengan aspirasi Maju Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika sebelum ini KrMJ hanya mengetengahkan lima inisiatif utama yang antaranya adalah budaya kesantunan dan pemupukan seni budaya Johor, penambahbaikan yang telah JPN laksanakan adalah seperti berikut :

1. Modul Karakter Murid Johor 2024 telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 22 April di Hotel KSL dan menggariskan 10 karakter murid iaitu patriotik, keterampilan diri, adab dan kerohanian, gaya hidup sihat, kepimpinan, keterampilan berbahasa, teknologi, identiti nasional, seni budaya dan sukarelawan. Kesemua karakter ini diketengahkan bagi melahirkan generasi pemimpin Johor yang memiliki keutuhan jati diri, kefahaman, kecintaan terhadap sejarah dan budaya bangsa serta mampu mendepani apa jua cabaran.
2. Selain itu, sesi libat urus Aspirasi KrMJ Melahirkan Aspirasi Madani telah dilaksanakan pada 20 dan 21 Mei di JPN Johor. SLU ini telah melibatkan 286 buah sekolah menengah dan 908 sekolah rendah.
3. JPN Johor bersama Kerajaan Negeri Johor akan mengadakan Hari KrMJ yang akan dilaksanakan pada November 2024 di Pusat Beli Belah Toppen, Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor telah merangka dan menghasilkan Modul Karakter Murid Johor 2024 dengan mengambil kira keperluan dalam aspirasi Maju Johor melalui Teras 6 : Orang Muda Johor.

1. Aplikasi KrMJ AI yang diperkenalkan dan dirasmikan pada 20 Mei 2024, pemerkasaan Karakter Murid Johor turut memberi penekanan dalam perkembangan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang teknologi, digital serta TVET, selari dengan keperluan sumber manusia Johor semasa dan pada masa hadapan. Penilaian implikasi pelaksanaan program-program adalah secara berterusan dan tindak susul penambahbaikan akan sentiasa diutamakan.
2. SLU dan bengkel kompetensi jurulatih serta penyelaras KrMJ di sekolah akan dilaksanakan secara berterusan.

JPN Johor sangat berbesar hati dan mengalukan penglibatan ADUN dalam memperkasakan pelaksanaan KrMJ di DUN Yang Berhormat. Sebagai penghubung antara kerajaan dan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

rakyat, ADUN diharapkan dapat menyampaikan maklumat dan program KrMJ serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan karakter murid Johor melalui media sosial dan Pusat Khidmat ADUN. Selain itu, menggalakkan penyertaan aktif dan jalinan kerjasama pihak korporat, PIBK dan PIBG dalam aktiviti pemeraksanaan KrMJ di sekolah-sekolah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B72**

Berapakah unjuran nilai pelaburan yang bakal negeri Johor terima pada tahun 2025 mengikut kluster bidang ekonomi seperti pembuatan, pertanian, perkhidmatan dan berapakah sasaran kadar pertumbuhan KDNK negeri yang boleh dicapai menjelang Negeri Johor Maju 2030?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B73**

Dalam usaha ke arah penggunaan tenaga hijau dan rendah karbon, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan program penggunaan tenaga solar di setiap bangunan kerajaan bagi menunjukkan komitmen kerajaan terhadap pengurangan impak perubahan iklim yang sedang melanda dunia kini?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B74**

Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan ruang parkir tambahan di Klinik Kesihatan Parit Yusof dan Seri Menanti dimana pesakit yang ingin menerima rawatan terpaksa meletak kereta di tepi jalan raya, terutama di waktu puncak yang boleh mengundang risiko kemalangan jalan raya?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B75**

Apakah perkembangan terkini JS-SEZ dan adakah kajian mengenai impak pasca perlaksanaannya kepada kedaulatan Johor telah diperhalusi dan diteliti secara terperinci bagi mengelakkan rakyat Johor hanya menjadi penonton dan tertinggal daripada kepesatan arus permodenan ekonomi di dalam negeri sendiri?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B76**

Mencadangkan supaya kerajaan menaik taraf Jeti Nelayan Parit Jawa lengkap dengan pusat pendaratan ikan setempat dan *dry dock* yang lebih sempurna untuk nelayan melakukan rutin servis dan baik pulih bot mereka serta fasiliti lain yang berkaitan disamping menjadi tarikan pelancongan.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Salah satu fungsi LKIM adalah untuk menyediakan infrastruktur jeti bagi memudahkan nelayan untuk mendaratkan hasil perikanan. Ia termasuklah membina baharu dan menaiktaraf kemudahan jeti sedia ada bagi memastikan keselamatan dan keselesaan nelayan. Jeti Nelayan Parit Jawa adalah salah satu jeti yang telah dinaiktaraf dengan menggunakan peruntukan daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri melalui pihak LKIM.

Mengikut rekod pihak LKIM, Jeti Nelayan Parit Jawa pernah dinaiktaraf pada tahun 2013 dengan kos RM98,500.00 dan pada tahun 2017 dengan kos RM100,638.34. Pihak LKIM akan melihat dari sudut kesesuaian kawasan bagi penambahan kemudahan di kawasan sekitar Jeti Parit Jawa disebabkan oleh kawasan pembangunan yang agak terhad. Tambahan pula, sungai Parit Jawa adalah kawasan laluan bot nelayan keluar dan masuk dan ruang sungai agak sempit terutamanya pada waktu bot-bot ditambat di sekitar sungai Parit Jawa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B77**

Adakah pemilik akaun Ranhill SAJ yang terjejas akibat ketiadaan bekalan air akan menerima pampasan atau rebat bil air khususnya bagi kegunaan isi rumah dan peniaga-peniaga yang mengalami kerugian kerana gangguan bekalan air sehingga operasi perniagaan terganggu?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri komited untuk mebekalkan air bersih terawat kepada pengguna tanpa sebarang gangguan. Namun begitu, cabaran untuk merealisasikan misi adalah dengan gangguan bekalan air tidak terancang dan berlaku secara tiba-tiba disebabkan beberapa faktor seperti paip pecah, kualiti sumber air yang mengalami kemerosotan, penurunan paras tangki air, bekalan elektrik yang tidak stabil, penggunaan yang meningkat di musim-musim tertentu terutamanya musim perayaan serta lain-lain faktor yang berkaitan.

Gangguan bekalan air tidak terancang ini tidak juga terkecuali terjadi kepada kawasan Ahli Yang Berhormat. Sehubungan itu, pada masa ini pihak Ranhill SAJ tidak memberi sebarang pampasan atau rebat bil air kepada pemilik akaun yang terjejas akibat gangguan bekalan air. Pemberian pampasan ini tidak menjadi amalan oleh mana-mana operator bekalan air dan ianya bukan merupakan polisi dalam industri bekalan air di Malaysia.

Walau bagaimanapun bagi kes gangguan bekalan air yang berlanjutan melebihi 24 jam, maka pihak Ranhill SAJ akan memberi bantuan bekalan air secara alternatif kepada pengguna domestik mengikut permintaan dan keperluan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN B78

Sila menyatakan inisiatif Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dalam menambah syarikat penerbangan baharu dan juga destinasi antarabangsa baharu untuk menarik lebih ramai pelancong menjelang Tahun Melawat Malaysia dan Johor 2026.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN B79

Apa status terkini tentang perancangan membina Klinik Kesihatan Jenis 2 yang baharu di Taman Mewah Senai di atas tapak PTD105166 dan status tapak klinik di Bandar Putra, Kulai?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN B80

Sila nyatakan kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Johor dalam 5 tahun ini. Apakah inisiatif yang telah dilaksanakan dan bakal dilaksanakan untuk meningkatkan kadar ini. Sila nyatakan terperinci.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN B81

Apakah status terkini tentang pemberian geran hak milik tanah di Kampung Baru Senai dan Kampung Baru Kulai?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN B82

Apakah perancangan kerajaan Johor dari segi pembangunan dan promosi bagi tujuan pelancongan tahun 2025?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN B83

Dalam Kota Iskandar terdapat sebuah klinik gigi yang berusia 13 tahun mempunyai kunjungan pelanggan tertinggi di dalam daerah JB. Berapa lamakah hayat sesuai yang ditetapkan bagi kerusi rawatan gigi untuk diganti atau adakah penyelenggaraan berjadual dilaksanakan agar ianya berdaya tahan?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN B84**

Berikutan dari keperluan mendesak di kawasan Gelang Patah dan Medini, adakah kerajaan berhasrat untuk membina tambahan bangunan sekolah agama di kawasan yang berkenaan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Terima kasih kepada YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar). Kerajaan sememangnya berhasrat untuk membina sekolah agama di kawasan Gelang Patah dan Medini. Walau bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada kawasan yang lebih kritikal seperti projek pembinaan Sekolah Agama Taman Pulai Indah Kulai, Sekolah Agama Taman Sri Saujana Kota Tinggi dan tempat-tempat lain.

Sebagaimana dimaklumi, Sekolah Agama Gelang Patah merupakan sebuah sekolah bangunan sendiri yang mempunyai 19 buah bilik darjah dengan jumlah murid seramai 544 orang dan 12 orang guru. Dengan kapasiti sedia ada, ia masih mampu untuk menampung jumlah murid untuk belajar.

Bagi Sekolah Agama Medini, ia termasuk dalam kategori Sekolah Gunasama iaitu menumpang di sekolah kebangsaan. Terdapat 24 buah bilik darjah, 582 orang murid dan 14 orang guru. Pihak BPIJAINJ telah menerima permohonan daripada pihak sekolah pada tahun 2023 dan masih menunggu keputusan daripada agensi yang berkenaan untuk kelulusan.

Sehingga kini, kedua-dua buah sekolah tersebut masih dapat beroperasi seperti biasa dan untuk makluman YB, bilangan sekolah yang ada dalam kawasan Kota Iskandar sebanyak 16 buah dengan 11 daripadanya adalah bangunan sendiri dan bakinya menumpang di sekolah kebangsaan.

Terima kasih kepada YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja).

Sebagaimana dimaklumi, terdapat 10 buah sekolah agama yang beroperasi di kawasan DUN Parit Raja. Buat masa ini, pihak kerajaan berpandangan belum ada keperluan mendesak untuk membina sebuah sekolah agama yang baharu di Taman Universiti Parit Raja kerana terdapat sekolah agama yang berhampiran seperti Sekolah Agama Parit Raja, Sekolah Agama Pintas Puding, Sekolah Agama Pintas Raya, Sekolah Agama Jelutung dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B85

Senaraikan peruntukan baik pulih bagi sekolah agama di dalam DUN Johor Lama yang telah diterima bagi tahun 2022 hingga kini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Terima kasih kepada YB Cik Norlizah binti Noh (Johor Lama). Sebagaimana dimaklumi, terdapat 12 buah sekolah dalam kawasan DUN Johor Lama dengan 9 buah daripadanya adalah bangunan sendiri manakala 3 buah adalah bangunan guna sama sekolah kebangsaan.

Bagi tahun 2022, sebanyak RM269,950.00 telah diperuntukan bagi tujuan selenggara dan baik pulih melibatkan 2 buah sekolah.

Bagi tahun 2023, sebanyak RM142,680.00 telah diperuntukkan bagi tujuan selenggara dan baik pulih melibatkan sebuah sekolah iaitu baik pulih

Selenggara dan baik pulih ini adalah melalui peruntukan Belanja Mengurus B21 dan perbelanjaan Pembangunan P73.

Bagi tahun 2024 pula, BPIJAINJ telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan persekutuan melalui JAKIM bagi tujuan selenggara dan baik pulih 3 buah sekolah iaitu:

1. Sekolah Agama Kota Kechil Kota Tinggi sebanyak RM68,212.00
2. Sekolah Agama FELDA Pasak Kota Tinggi sebanyak RM75,000.00
3. Sekolah Agama Al-Ansar FELDA Lok Heng Selatan Kota Tinggi sebanyak RM70,000.00.

Buat pengetahuan YB, pihak kerajaan masih menunggu kelulusan dari JAKIM.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B86

Apakah status pembinaan jalan yang akan menghubungkan Gugusan FELDA Lok Heng dan FELDA Air Tawar 2?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, kerajaan negeri mengambil maklum tentang cadangan jalan penghubung yang menghubungkan Gugusan FELDA Lok Heng dan FELDA Air Tawar 2 dan ianya sekarang dalam peringkat perancangan. Jabatan dalam peringkat membuat kajian bagi keperluan dan justifikasi pelaksanaan projek ini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B87

Sistem saluran paip air utama bagi penempatan penduduk kebiasaannya terletak agak jauh daripada penempatan perumahan penduduk. Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai peruntukan khusus untuk pihak Ranhill SAJ Sdn Bhd membina saluran paip air ke kawasan berdekatan penempatan rumah penduduk?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, melalui semakan rekod terkini menunjukkan sebanyak 361 premis luar bandar yang masih tiada akses bekalan air. Antara punca terbesar adalah kerana kedudukan paip utama yang jauh dari premis-premis yang terlibat.

Hal ini perlu diberi perhatian agensi berkaitan iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan pihak Ranhill SAJ tiada peruntukan khusus khas untuk memasang paip-paip di kawasan luar bandar.

Walaupun, kerajaan melalui Kementerian KKDW ada menyediakan peruntukan bagi pemasangan paip luar bandar yang dinamakan projek bekalan air luar bandar (BALB). Inisiatif ini sebagai platform kerjasama Ranhill SAJ bersama-sama dengan Pejabat Daerah, Ketua Kampung, Penghulu, Pejabat ADUN dan Pejabat Ahli Parlimen akan mendapatkan dan mengumpulkan senarai premis dan kawasan yang akan dicadangkan kepada KKDW bagi projek BALB. Kementerian kemudian akan menganalisa dan membuat penilaian kebolehlaksanaan berdasarkan skop-skop projek BALB yang telah ditetapkan dan ini dilihat mampu menjadi solusi kepada mempertingkatkan sistem agihan air bersih kepada penduduk luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B88

Senaraikan peruntukan projek baik pulih infrastruktur sukan seperti gelanggang futsal, takraw dan sebagainya di dalam DUN Johor Lama yang telah lulus daripada tahun 2022 sehingga kini.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk baik pulih sebanyak 3 buah gelanggang yang telah diluluskan peruntukan iaitu:

- i. Gelanggang Futsal Kg FELDA Air Tawar 2, Kota Tinggi pada tahun 2017.
- ii. Gelanggang Futsal Taman Koguna, Kg Makam, Kota Tinggi pada tahun 2021.
- iii. Gelanggang Futsal Wisma Belia, Jalan Haji Mohd Amin, Mukim Johor Lama, Kota Tinggi pada tahun 2022.

Bagi tahun 2023 dan 2024 tiada peruntukan diberikan untuk membaik pulih gelanggang di dalam DUN Kota Lama.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B89

Apakah inisiatif dan bantuan dari kerajaan negeri kepada peniaga-peniaga kecil dan peniaga pasar malam? Jika berlaku sebarang bencana, apakah bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan negeri? Sekiranya ada, senaraikan inisiatif dan bantuan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Bagi tahun 2024, sejumlah RM 1 juta diperuntukkan bagi Insentif Khemah melibatkan sejumlah 2,000 buah melibatkan sasaran penyerahan kepada peniaga di bawah 8 PBT.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B90

Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk mengembangkan kaedah Kulai Fast Lane (KFL) yang berjaya dilaksanakan di PBT Kulai, untuk dilaksanakan di seluruh PBT di Johor, demi memudahkan dan menarik pelaburan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B91

Berapakah kutipan hasil negeri yang telah perolehi sehingga hujung bulan Ogos berbanding anggaran sasaran pada tahun ini serta jangkaan kutipan sehingga hujung akhir tahun dan adakah ia berada di landasan yang tepat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B92

Berapakah jumlah peluang pekerjaan bagi pekerja mahir yang telah dicipta oleh pusat-pusat data pada tahun ini?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B93

DYMM Yang Dipertuan Agong telah menitahkan agar isu GISBH disiasat di seluruh negara. Adakah kerajaan negeri akan juga menyiasat pusat-pusat jagaan lain demi membasmikan risiko pelanggaran undang-undang?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN B94**

Johor Selatan terdapat beberapa terminal feri ke Batam dan Singapura. Bolehkah perkhidmatan feri dari bandar Johor Bahru ke Woodland dan Changi Airport ditambah?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Cadangan untuk menyediakan perkhidmatan feri dari Johor Bahru ke Woodland dan Changi Airport, Singapura merupakan cadangan yang baik dan dapat merancakkan lagi sektor ekonomi, pengangkutan dan sektor pelancongan khususnya di negeri Johor. Selain itu ia juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan menjadi laluan alternatif yang baharu yang menghubungkan Johor dengan Singapura.
2. Jabatan Laut Malaysia merupakan agensi teknikal yang bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan sekuriti pelabuhan dan terminal penumpang seperti berikut:-
 - ii. kapal-kapal/ feri-feri yang beroperasi perlulah mematuhi peraturan antarabangsa dan nasional mengikut peruntukan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;
 - iii. memastikan pelabuhan/ terminal penumpang mematuhi keperluan Kod ISPS yang melibatkan sekuriti; dan
 - iv. menyediakan dan memastikan keselamatan pelayaran kepada mana-mana kapal/ feri yang beroperasi dalam perairan Malaysia.
3. Oleh demikian, Jabatan Laut Malaysia berbesar hati untuk membantu dari segi khidmat nasihat teknikal kepada Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak swasta yang berminat untuk menyediakan infrastruktur untuk pengoperasikan perkhidmatan feri bagi laluan Johor Bahru ke Woodland dan ke Changi Airport, Singapura.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B95**

Kebanyakan Jambatan (MTB) dikawasan tanah gambut kedudukannya lebih tinggi dari aras jalan dan ini menyukarkan pengguna. Sekiranya tanpa meroboh, membina struktur baharu dan tiada isu teknikal wajarkah JPS memodifikasi MTB yang lebih mesra pengguna disesuaikan dengan muka bumi sesuatu kawasan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan kawasan di Dun Bukit Naning merupakan kawasan bertanah gambut. Pembangunan dan pembukaan tanah di kawasan tanah gambut ini akan mengakibatkan berlaku pemendapan tanah secara alamiah/semulajadi di mana akhirnya paras tanah akan turun dan infrastruktur kekal seperti jambatan didapati akan lebih tinggi dari aras jalan, padahal semasa awal pembinaannya adalah tidak begitu.

Bagi mengatasi masalah ini pihak Jabatan sebenarnya telahpun mengambil tindakan dari masa ke semasa dengan memperbaiki dan menambahkan panjang 'approach ramp' jambatan MTB yang terlibat supaya lebih selamat dan selesa digunakan.

Namun begitu, memodifikasi jambatan MTB setakat ini adalah tidak wajar kerana ia bergantung kepada spesifikasi yang dibenarkan oleh pihak JPS Malaysia bagi tujuan keselamatan semua pengguna.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B96**

Apakah solusi bagi masalah tekanan air rendah yang masih dialami penduduk di beberapa kawasan di DUN Bukit Nanning dan apakah tindakan diambil oleh Ranhill SAJ bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Bagi mengatasi masalah tekanan air rendah lebih-lebih lagi pada waktu puncak dan musim perayaan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memperuntukkan sejumlah kos yang diluluskan di peringkat kementerian untuk membina sebuah rumah pam, sebuah tangki sedutan dan sebuah tangki servis yang telah siap dibina untuk digunakan sebagai langkah proaktif memastikan sistem agihan air bersih yang berkeupayaan menangani masalah tekanan air yang dihadapi. Projek melalui kerjasama efektif bersama pihak Ranhill SAJ ini adalah untuk memberi manfaat kepada hampir 800 buah premis di sekitar Bukit Nanning, Muar dimana projek ini telahpun dibuat majlis penyerahan rasmi dari KKDW kepada Ranhill SAJ untuk dioperasi pada Julai yang lepas.

Namun begitu, sistem agihan bekalan air yang baharu ini akan terus dipantau rapi oleh pihak Ranhill SAJ dan akan berhubung secara terus dengan pejabat ADUN Bukit Nanning untuk mendapatkan maklum balas dari masa ke semasa berkenaan dengan status mahupun permasalahan berkaitan dengan bekalan air.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B97

Mohon kerajaan mempertimbangkan untuk menambah peruntukan bagi membina jalan baharu serta menaiktaraf jalan ladang dan pertanian bagi memudahkan aktiviti serta membawa keluar hasil pertanian di Bukit Naning.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B98

Kerajaan negeri digesa untuk mempertimbangkan peruntukan bagi kerja-kerja membaikpulih dan memperkukuh bahu jalan-jalan kampung di sekitar DUN Bukit Naning yang rosak akibat hakisan dan tanah runtuh.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, semakan dan siasatan dilokasi mendapati bahu-bahu jalan di bawah penyelenggaraan JKR Muar dalam keadaan baik dan tiada hakisan atau tanah runtuh. Walau bagaimanapun, tinjauan di jalan-jalan kampung dalam kawasan aduan mendapati ada bahu jalan yang telah rosak dan ianya diluar penyelenggaraan JKR.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B99**

Terdapat banyak papan tanda nama-nama parit dan sungai di sekitar daerah Muar telah uzur dan rosak, apakah tindakan terhadap papan tanda nama-nama parit yang sudah tidak jelas tulisannya sekitar daerah Muar?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa jenis kerosakan papan tanda nama-nama parit dan sungai sebagai contoh, kerosakan pada papan tanda iaitu papan tanda yang mempunyai kerosakan-kerosakan kecil seperti papan tanda yang diselaputi kulat/debu dan juga tulisan yang telah hilang serta papan tanda yang mempunyai kerosakan yang besar seperti hilang / tertanggal bengkok dan sebagainya.

Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan berdasarkan kepada kelulusan peruntukan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B101**

Nyatakan status terkini projek Maharani Gateway, apakah perancangan jangka panjang bagi menjaga perkampungan nelayan dan hak milik tanah orang Melayu supaya tidak tergadai kepada bangsa asing?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN B102

Apakah status terkini pembinaan Stadium Muar dan berapa peratus lagi pembinaan untuk siap sepenuhnya?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman, Perakuan Siap Kerja (*Certificate Of Practical Completion-CPC*) telah dikeluarkan oleh Pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 28 April 2024 yang lepas. Pada masa ini, projek tersebut masih dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period — DLP*) selama satu tahun dari tarikh CPC dikeluarkan. Secara praktikalnya, Projek TMIYC ini telah siap 95% dan hanya 5% untuk pengeluaran CCC (*Certificate Of Completion and Compliance*). Pihak perunding dalam proses pengeluaran CCC dan memastikan prosedur pengeluaran dipatuhi dan CCC dapat dikeluarkan sebelum perasmian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN B103**

Adakah kerajaan negeri bercadang menubuhkan pusat pemulihan bagi menangani isu akidah terpesong serta individu yang mengamalkan hubungan sesama jantina atau LGBTQ bagi mencegah perkara ini berleluasa. Di manakah tempat operasinya serta laporan daripada operasi pusat pemulihan ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menubuhkan pusat pemulihan Akidah dan LGBT Atas nama Pusat Pemurnian Syariah Islam Negeri Johor yang telah diwartakan di alamat: Rumah Kuarters Maahad Johor No 01 Block 16, No 02 A Block 17 dan No 02 B Block 17, Jalan Dato' Menteri, 80000 Johor Bahru sebagai pusat pemulihan bagi maksud-maksud Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997.

Pusat Pemurnian Syariah Islam Negeri Johor ini telah beroperasi separuh masa bermula Julai 2024 dengan menjalankan kelas-kelas pemulihan, kelas-kelas Fardhu ain, kelas akidah dan kelas Al-quran mengikut jadual yang dirancang. Setakat ini kelas-kelas yang telah berjalan adalah melibatkan golongan LGBT oleh Bahagian Pembangunan Keluarga dan mereka-mereka yang disyorkan oleh Bahagian Penguatkuasa dan Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri atas kesalahan Jenayah Syariah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B104**

Minta dinyatakan usaha kerajaan untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Parit Raja dengan menaiktaraf dan menambak benteng Tanjung Sembrong hingga Kampung Pasir Panjang Mukim Simpang Kanan kerana benteng terlalu rendah dan menyebabkan limpahan air sungai ke Taman Universiti serta sekitarnya.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Batu Pahat, Johor adalah alah satu Projek Tebatan Banjir Berimpak Tinggi (TBBT) yang dilaksanakan secara Reka dan Bina.

Projek ini telah bermula pada 8 Januari 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027 dengan kos sebanyak RM187,169,200.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif projek ini adalah mengurangkan kekerapan banjir pada tahap perlindungan sehingga 200 ARI di Lembangan Sungai Batu Pahat yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Dengan terlaksananya projek ini, ianya akan memberikan kesan positif jangka panjang kepada penduduk dengan dapat mengurangkan keluasan risiko banjir seluas 42,000 hektar daripada 315,000 hektar. Selain itu, ianya dapat mengurangkan bilangan penduduk terjejas akibat banjir seramai 35,000 orang penduduk.

Bagi lokasi di Sungai Simpang Kanan, pembinaan ban akan dibuat di sepanjang Sungai Simpang Kanan bermula daripada pertemuan antara Sungai Bekok dan Sungai Sembrong sehingga ke pertemuan antara Sungai Simpang Kanan dan Sungai Simpang Kiri.

Oleh yang demikian, lokasi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah telah termasuk di dalam skop projek TBBT Rancangan Tebatan Banjir Bandar Batu Pahat, Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B105**

Minta dinyatakan usaha kerajaan negeri untuk membina sebuah sekolah agama kerajaan negeri di Taman Universiti Parit Raja kerana sekolah berhampiran semakin padat akibat penambahan penduduk di kawasan sekitarnya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Terima kasih kepada YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar). Kerajaan sememangnya berhasrat untuk membina sekolah agama di kawasan Gelang Patah dan Medini. Walau bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada kawasan yang lebih kritikal seperti projek pembinaan Sekolah Agama Taman Pulai Indah Kulai, Sekolah Agama Taman Sri Saujana Kota Tinggi dan tempat-tempat lain.

Sebagaimana dimaklumi, Sekolah Agama Gelang Patah merupakan sebuah sekolah bangunan sendiri yang mempunyai 19 buah bilik darjah dengan jumlah murid seramai 544 orang dan 12 orang guru. Dengan kapasiti sedia ada, ia masih mampu untuk menampung jumlah murid untuk belajar.

Bagi Sekolah Agama Medini, ia termasuk dalam kategori Sekolah Gunasama iaitu menumpang di sekolah kebangsaan. Terdapat 24 buah bilik darjah, 582 orang murid dan 14 orang guru. Pihak BPIJAINJ telah menerima permohonan daripada pihak sekolah pada tahun 2023 dan masih menunggu keputusan daripada agensi yang berkenaan untuk kelulusan.

Sehingga kini, kedua-dua buah sekolah tersebut masih dapat beroperasi seperti biasa dan untuk makluman YB, bilangan sekolah yang ada dalam kawasan Kota Iskandar sebanyak 16 buah dengan 11 daripadanya adalah bangunan sendiri dan bakinya menumpang di sekolah kebangsaan.

Terima kasih kepada YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja).

Sebagaimana dimaklumi, terdapat 10 buah sekolah agama yang beroperasi di kawasan DUN Parit Raja. Buat masa ini, pihak kerajaan berpandangan belum ada keperluan mendesak untuk membina sebuah sekolah agama yang baharu di Taman Universiti Parit Raja kerana terdapat sekolah agama yang berhampiran seperti Sekolah Agama Parit Raja, Sekolah Agama Pintas Puding, Sekolah Agama Pintas Raya, Sekolah Agama Jelutung dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B106**

Minta dinyatakan status terkini usaha baik pulih Sekolah Kebangsaan Parit Raja.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) bekerjasama rapat dengan Jabatan Kerja Raya Johor (JKR Johor) dan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih di Sekolah Kebangsaan Parit Raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja awalan iaitu Kerja Penyiasatan Tanah, Kerja Pemetaan Pengesanan Utiliti (Utility Detection Mapping) dan Kerja Pemetaan Topografi telah selesai dilaksanakan. Pada masa kini, pihak Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG) JKR Malaysia sedang menyediakan Laporan Forensik Geoteknik berdasarkan laporan kerja awalan tersebut bagi pengesyoran pembaikan di Sekolah Kebangsaan Parit Raja akibat mendapan tanah yang serius. Skop pembaikan adalah seperti berikut:

1. Roboh dan bina baru *link bridge* 3 tingkat antara Blok C dan Blok D.
2. Pembaikan struktur laluan berbumbung tiang dan rasuk ke Dewan Sri Permata, Kantin, Blok C dan Blok D.
3. Pembaikan apron.
- 40 Pembaikan papak di koridor Blok A dan Blok B.

Sebaik sahaja laporan dan anggaran kos pembaikan diterima daripada pihak JKR Malaysia, permohonan peruntukan akan dimohon kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk kelulusan projek dan seterusnya perolehan tender dilaksanakan. Proses pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dijangka pada suku ketiga tahun 2025.

JPN Johor bersama JKR Johor akan terus berusaha bagi memastikan pelaksanaan pembaikan ini dapat diselesaikan dalam jangka masa yang ditetapkan seterusnya dapat menyediakan infrastruktur pendidikan yang terbaik dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di Sekolah Kebangsaan Parit Raja.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B107**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk membina simpang empat di Kampung Parit Raja Darat bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluma, Kampung Parit Raja Darat terletak di persimpangan Jalan Parit Botak (J9) dan Jalan Parit Raja Darat (J121) di dalam kawasan DUN Parit Raja. Persimpangan tersebut merupakan simpang empat yang tidak sejajar di mana penduduk dari Parit Raja yang menghala ke Kampung Parit Raja Darat perlu melalui persimpangan yang agak merbahaya. Isipadu trafik yang melalui jalan berkenaan agak tinggi kerana merupakan jalan pintas dari pekan Parit Raja dan Ayer Hitam untuk ke Senggarang dan Piontian. Kesyakan juga seringkali berlaku terutama pada waktu puncak dan cuti umum.

Bagi mengawal aliran trafik, Pihak JKR melalui JKR Batu Pahat telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menjamin keselamatan pengguna terutama di persimpangan berkaitan. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah pembinaan susur masuk dan keluar bagi memberi ruang kepada pengguna untuk membelok ke persimpangan. Selain daripada itu, pembinaan *Rumble Strip* (Garis Kuning) setebal 7mm bagi memberi amaran supaya pengguna memperlambatkan kenderaan ketika melalui persimpangan. Bagi tahun 2024, pihak JKR juga telah siap memasang 3 bilangan Amber Light, penambahan papan tanda keselamatan dan pemasangan 5 unit lampu solar pada Julai 2024.

Sebagai usaha bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan di persimpangan tersebut, JKR Batu Pahat juga telah mengemukakan permohonan untuk pemasangan lampu isyarat pada 13 Februari 2024 kepada JKR Johor. Dengan adanya lampu isyarat di persimpangan berkenaan akan dapat meningkatkan keselamatan pengguna ketika melalui laluan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B108**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk menaiktaraf Empangan Sembrong.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Parit Raja, Kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 33 juta bagi Projek Memperkukuhkan Struktur dan Fasiliti Empangan-Empangan Tebatan Banjir – Empangan Sembrong, Batu Pahat, Johor secara Reka dan Bina. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2028.

Projek ini telah bermula pada 15 Julai 2024 dan dijangka akan siap Julai 2028 dengan kos sebanyak RM33,006,020.00.

Objektif projek ini adalah:

- i. Mengembalikan tahap perlindungan banjir kepada 100 ARI seperti mana rekabentuk asal.
- ii. Meningkatkan tahap keselamatan dan integriti struktur empangan.
- iii. Meningkatkan ketahanan empangan terhadap perubahan cuaca dan aktiviti seismik.

Skop kerja yang terlibat adalah:

- i. Peningkatan kapasiti empangan
- ii. Pembaikan struktur empangan utama
- iii. Komponen mekanikal dan elektrik
- iv. Pemasangan instrumentasi
- v. Pembinaan Jalan akses
- vi. Pembinaan *Bollard*

Dengan terlaksananya projek ini, ianya akan memberikan impak positif jangka panjang kepada penduduk dengan dapat mengawal dan melindungi keluasan kawasan risiko akibat kegagalan empangan seluas 55km². Selain itu, ianya dapat mengawal dan melindungi bilangan penduduk terjejas akibat kegagalan empangan sebanyak 200,000 orang.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B109**

Apakah status terkini berkaitan pemasangan lampu jalan di persimpangan utama masuk ke FELDA Redong 1?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, jalanraya di FELDA Redong 1 (FT1385) yang menghubungkan jalan ke FELDA Selancar, Pahang merupakan satu laluan alternatif utama bagi ke semua kenderaan daripada arah Selatan untuk ke arah Pantai Timur tanpa melalui Bandar Segamat yang sering mengalami kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak, cuti persekolahan dan juga pada musim-musim perayaan utama.

Projek cadangan pemasangan lampu jalan ini telah dimohon melalui Permohonan Projek/Program Pembangunan Di Bawah Rolling Plan 2025 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), di bawah Kementerian Kerja Raya (KK) P.27 melalui Pejabat Pengarah Kerja Raya Johor pada 14hb Januari 2024.

Cadangan pemasangan lampu jalan di laluan FELDA Redong 1 (FT1385) dianggarkan sepanjang 6 km dengan kos pembinaan sebanyak RM2.41 juta akan dapat memberi manfaat kepada pengguna jalan raya dan penduduk setempat.

Cadangan pemasangan lampu jalan sepanjang 6km ini adalah susulan kepada siapnya Projek Membina Jalan Baru Dari Persimpangan Jalan Masuk Ke FELDA Redong – Selancar, Segamat (Fasa 2) sepanjang 4.5km pada 1hb September 2024 akan menyebabkan pertambahan kapasiti kenderaan yang melalui jalan tersebut semakin bertambah dan memerlukan pencahayaan jalan yang sempurna.

Projek pemasangan lampu jalan ini akan dapat menyediakan sistem pencahayaan jalan raya yang lebih sempurna, dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan juga dapat mengurangkan kadar jenayah serta dapat memberikan manfaat kepada penduduk di FELDA Redong 1 dan kawasan sekitarnya. Lampu jalan telah siap dipasang dan berfungsi menerangi persimpangan tersebut dan tarikh siap pemasangan lampu jalan pada 13 Ogos 2024.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN B110

Nyatakan jumlah bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada usahawan tempatan melalui Bantuan Geran Usahawan Maju Johor (GUMJ 2024).

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Jumlah Permohonan yang diluluskan berjumlah 324 pemohon adalah sepertimana berikut mengikut daerah:

Johor Bahru	-	122 pemohon
Kulai	-	20 pemohon
Pontian	-	23 pemohon
Kota Tinggi	-	28 pemohon
Mersing	-	8 pemohon
Kluang	-	27 pemohon
Batu Pahat	-	31 pemohon
Muar	-	28 pemohon
Segamat	-	26 pemohon
Tangkak	-	11 pemohon

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN B111

Adakah Kerajaan Negeri Johor akan menyediakan krematorium bagi masyarakat Hindu di Greater Johor Bahru kerana tanah perkuburan Hindu di daerah Johor Bahru tiada fasiliti mesin krematorium?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN B112

Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor bagi menggalakkan petani tempatan untuk menggunakan automasi dan teknologi supaya tidak terlalu bergantung kepada buruh asing tidak mahir.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Yang Berhormat, di bawah Program Pemodenan kelolaan Jabatan Pertanian, terdapat suntikan teknologi moden yang membantu usahawantani untuk terus berdaya maju secara dinamik dalam meningkatkan tahap keterjaminan makanan.

Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri Johor telah menyalurkan Peruntukan Khas bagi Projek Memperkasa Pertanian Pintar & Mekanisasi Pertanian berjumlah **RM3 juta** melibatkan seramai **45 orang** usahawantani dengan jumlah keluasan ladang seluas **752.39 ha**. Antara jenis automasi dan mekanisasi yang disalurkan adalah berupa **traktor, alat pengangkut 4 roda, implemen jentera, dron kerja, sistem IoT, mesin dan peralatan**.

Yang Berhormat, antara aspek teknologi moden yang dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran hasil tanaman/industri asas tani bagi mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing iaitu:

1. Fertigasi dan Pertanian Moden
2. Mekanisasi Pertanian dan Industri Asas Tani

Butiran insentif yang disediakan oleh Jabatan Pertanian bagi projek berkaitan adalah seperti berikut:

PROJEK	INSENTIF	KADAR MAKSIMUM/ PESERTA
1. Fertigasi dan Pertanian Moden	i. Skala Kecil	RM10,000/peserta bagi projek sediaada minimum 1,000 polibeg bagi kelayakan bantuan tambahan kelengkapan input bagi 1,000 polibag
	ii. Skala Besar	RM25,000/ peserta bagi projek sedia ada minimum 3,000 polibeg bagi kelayakan bantuan tambahan kelengkapan input bagi 3,000 polibag
2. Mekanisasi Pertanian dan Industri	i. Perolehan Pelbagai jenis jentera kecil dan peralatan yang sesuai bagi tujuan pengeluaran hasil tanaman di sepanjang rantaian	i. Pengusaha Kecil kadar maksima bantuan One off RM25,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

PROJEK	INSENTIF	KADAR MAKSIMUM/ PESERTA
Asas Tani	ii. Perolehan Pelbagai jenis mesin dan peralatan kecil bagi tujuan pengeluaran hasil di bawah bidang usaha Industri Asas Tani	ii. Pengusaha Kecil kadar maksima matching grant 50:50 (kerajaan : pengusaha) RM 25,000.00
	iii. Perolehan jentera, mesin-mesin, bangunan berteknologi serta kelengkapan bagi penggunaan teknologi terkini seperti pengairan pintar (smart irrigation) lengkap dengan teknologi IoT (Internet of Things), penggunaan solar dalam pengeluaran hasil tanaman, harvester dan bidang usaha IAT di sepanjang rantaian serta lain-lain teknologi yang boleh membantu syarikat/pengusaha dalam meningkatkan produktiviti	iii. Syarikat / pengusaha komersil / kelompok kadar maksima matching grant 50:50 (kerajaan : pengusaha) RM 200,000.00

Dengan penggunaan automasi dan mekanisasi ini, ianya bukan sahaja dapat membantu pengusaha kecil, malah ianya dapat membantu syarikat/pengusaha komersil/kelompok untuk mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing yang dilihat semakin sukar untuk diperolehi.

Program Pemodenan ini turut menggalakkan petani menggunakan sistem fertigasi berteknologi tinggi melalui *Internet of Things* (IoT) walaupun dengan keluasan tanah yang sedikit tetapi mampu mengeluarkan hasil yang tinggi.

Aplikasi teknologi mekanisasi dan automasi turut dapat mengatasi masalah kebergantungan kepada buruh asing tidak mahir, sebagai contoh dalam pembangunan industri tanaman nanas. Johor merupakan pengeluar utama nanas di Malaysia dengan keluasan penanaman 11,398.6 Ha pada tahun 2022. Untuk meningkatkan produktiviti dan mengatasi masalah kebergantungan kepada buruh asing tidak mahir dalam pengeluaran nanas, MARDI telah membangunkan teknologi pakej mekanisasi bagi pengeluaran nanas di tanah gambut dan tanah mineral. Pakej teknologi ini merangkumi mesin-mesin dari penyediaan tanah hingga ke penuaian hasil serta pengurusan sisa tanaman. Penggunaan mesin menanam dapat meningkatkan kadar kerja sebanyak 4 kali berbanding kaedah manual. Manakala operasi penuaian secara mekanisasi dapat memungut hasil sebanyak 3 ton sejam atau 2.5 hektar sejam.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN B113

Nyatakan rancangan Kerajaan Negeri Johor untuk mewujudkan limpahan ekonomi kepada kawasan-kawasan di luar *Greater Johor Bahru*.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B114

Senaraikan bilangan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak di negeri Johor bagi tahun 2023 dan 2024.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B115

Nyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah kekurangan parkir di kawasan Johor Bahru.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B116

Adakah kerajaan negeri berhasrat mewujudkan satu Pusat Sehenti Khas OKU bagi memberi peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran, menjadi tempat jualan hasil tangan atau pusat pelancongan seperti *Enabling Village* di Singapura demi membangunkan OKU?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B117

Nyatakan status pemasangan, nyalaan lampu jalan di sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang serta kos.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Lebuhraya Pasir Gudang FT17 merupakan jalan persekutuan di bawah seliaan dan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR). Walau bagaimanapun, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah membantu memasang sebanyak 59 batang *double-arm solar street light* di sebahagian Lebuhraya Pasir Gudang tersebut.

Pemasangan 58 batang lampu jalan ini merupakan inisiatif MBPG bagi memastikan pencahayaan yang baik di sebahagian Lebuhraya Pasir Gudang tersebut sekali gus mengurangkan keperluan penyelenggaraan dengan penggunaan lampu dari jenis solar.

Jabatan Kerja Raya juga sedang giat menjalankan projek menaiktaraf lebuhraya tersebut di mana pencahayaan di sepanjang jalan yang terlibat akan turut ditukar kepada jenis lampu LED. Sehubungan itu, kesemua 58 batang lampu tersebut akan diserahkan kembali kepada MBPG.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B118

Nyatakan usaha penambah baik pengangkutan awam di Johor Bahru bagi menggalakkan lebih penduduk yang menaiki pengangkutan awam.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri Johor telah melaksanakan beberapa usaha untuk menambah baik pengangkutan awam di Johor Bahru bagi menggalakkan lebih ramai penduduk menggunakan perkhidmatan ini

Melalui inisiatif Bas Percuma (Bas Muafakat Johor), ianya bukan Sahaja inisiatif untuk membantu golongan bersasar untuk menikmati perjalanan percuma, malah program ini juga merupakan satu Langkah promosi dari Kerajaan negeri bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Selain itu, beberapa projek pengangkutan awam berimpak tinggi mampu memberi pilihan kepada pengguna untuk beralih ke padan pengangkutan awam. Antara projek-projek pengangkutan awam yang giat dijalankan di negeri Johor adalah:

- i. SBST (MyBas)**
Perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Johor khususnya sektor perkhidmatan bas henti-henti akan disokong dengan program SBST (MyBas) yang menggunakan laluan yang sedia ada dan menambahbaik kekerapan perkhidmatan bas di Johor.
- ii. Projek Laluan Rel Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru**
Sistem pengangkutan rel di negeri Johor juga akan mengalami beberapa fasa kemajuan dengan adanya Projek Laluan Rel Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru yang akan menambahbaik sistem pengangkutan rel penumpang. Projek ini akan memulakan operasinya tahun depan dan pada tahun ini pihak KTMB akan memulakan operasi dengan memanjangkan perkhidmatan yang sebelum ini berakhir di Gemas akan berakhir di Segamat dahulu.
- iii. Rapid Transit System (RTS)**
Berkenaan dengan projek RTS, jajaran untuk RTS dianggarkan dalam lingkungan 4 km daripada Bukit Chagar ke Woodlands. Projek RTS ini dijangka akan mengurangkan kesesakan laluan keluar masuk Malaysia Singapura khususnya Tambak Johor dan Gelang Patah-Tuas. Rakyat Malaysia dan Singapura bakal melihat kesalinghubungan dan kebolehcapaian yang lebih baik apabila projek *Rapid Transit System (RTS) Link* disiapkan.

Justeru itu, dapat dilihat perancangan pembangunan pengangkutan bas awam di negeri Johor akan melakar satu profil baharu kepada rakyat negeri ini dengan penyambungan yang menyeluruh dan seimbang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B119

Apakah status terkini berhubung cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Gambir di tapak yang baru?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B120

Apakah status terkini berkenaan dengan pembinaan tapak industri baru di Bukit Gambir?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B121

Apakah langkah-langkah terkini yang dijalankan bagi memperindahkan Pekan Sagil, Tangkak, Johor bagi menyambut kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Johor nanti?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B122

Terminal bas Dan Teksi Bukit Gambir yang telah dibuka kelihatan lesu dengan ketiadaan bas-bas ekspres mahupun bas tempatan, apakah perancangan kerajaan negeri bagi merencanakan lagi terminal ini dan tidak menjadi projek gajah putih?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B123

Apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi membantu mengurangkan kos menghantar anak-anak ke sekolah agama?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Terima kasih YB Sahrihan ADUN Gambir di atas soalan yang diajukan. Untuk makluman YB, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Bahagian Pendidikan Islam JAINJ dalam mengurangkan kos ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ). Antaranya:

1. Menyediakan Skim Pinjaman Kitab (SPK) melibatkan semua murid SAKJ bermula di peringkat Tadika Agama Johor (TAJ) hingga kelas Darjah Khas yang melibatkan seramai sekitar 200 ribu orang murid setiap tahun.
2. Bantuan pakaian sekolah kepada 10,000 orang anak-anak golongan asnaf oleh MAINJ termasuk beg dan kasut sekolah.
3. Bantuan Yuran Awal Persekolahan (BYAP) peruntukan MAINJ sebanyak RM100 seorang yang melibatkan 15,421 orang murid berjumlah RM1,542.100 pada tahun 2024.
4. Bantuan Harian Anak Orang Asli Islam peruntukan MAINJ berjumlah RM5.00 seorang setiap hari persekolahan berjumlah RM760,000.00 bagi tahun 2024 yang dibayar dalam 3 fasa.
5. Menguruskan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) peruntukan JAKIM kepada 2,906 orang murid Institusi Pendidikan Islam Swasta (IPIS) sebanyak RM150 seorang dengan jumlah bantuan sebanyak RM435,900.00 bagi tahun 2024.

BPIJAINJ sentiasa berusaha untuk membantu agar anak-anak islam bersekolah agama di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B125**

Berapakah jumlah pemasangan lampu jalan dan lampu solar yang telah diluluskan di kawasan Senggarang bagi tahun 2024 ini dan berapakah jumlah yang telah dipasang?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman, projek Lampu Jalan Kampung (LJK) adalah salah satu inisiatif kerajaan yang telah dilaksanakan sebanyak 11 Fasa selama hampir 20 tahun. Sehingga tahun 2024, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memasang lebih 60 ribu unit LJK di seluruh negeri Johor dan bilnya ditanggung sepenuhnya oleh pihak KKDW.

Pada ketika ini, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sedang melaksanakan program Lampu Jalan Kampung (LJK) LED Fasa 11 yang bermula pada Mei 2023 dan dijangka akan berakhir pada November 2024. Secara keseluruhannya, negeri Johor menerima kuota sebanyak 2230 unit LJK LED bagi fasa kali ini.

Untuk makluman, Parlimen Batu Pahat telah menerima kuota sebanyak 88 unit LJK LED dan untuk DUN Senggarang sebanyak 41 unit telah diluluskan. Untuk status pemasangan, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah selesai proses pemasangan.

Untuk makluman juga, negeri Johor telah diperuntukan kuota sebanyak 1,000 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) Solar bagi tujuan Projek Rintis LJK Solar yang dijalankan di empat buah negeri termasuk negeri Johor. Walau bagaimanapun, perkara ini masih diperingkat perolehan di Ibu Pejabat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan pelaksanaan akan diumumkan kelak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B126**

Berapakah peruntukan MARRIS yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri pada tahun 2022, 2023 dan 2024 dan berapakah jumlah yang diterima oleh Senggarang dalam tempoh tersebut?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Dewan, jumlah peruntukan yang diterima untuk DUN Senggarang adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2022 sebanyak RM12,777,600.00 bagi kerja AK Fasa 1.
- ii. Tahun 2023 sebanyak RM3,700,000.00 bagi kerja AK Fasa 2 dan RM968,237.00 bagi MARRIS.
- iii. Tahun 2024 sebanyak RM2,300,000.00 bagi kerja AK Fasa 1 dan RM2,000,000.00 bagi kerja AK Fasa 2.

Dari tahun 2022 sehingga tahun 2024, keseluruhan peruntukan yang telah dilaksanakan untuk DUN Senggarang telah diterima sebanyak RM11,745,837.00.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)

SOALAN B127

Apakah status terkini berkaitan kemasukan bekalan air dan penyerahan kunci unit rumah di kawasan perumahan Taman Desa Kempas yang sudah mendapat CCC sejak tahun lepas?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN B128

Mohon perkongsian, apakah perancangan masa hadapan dan bagaimana sistem pembuangan sampah dalam kawasan luar bandar yakni kawasan perumahan, premis kedai dapat dilaksanakan dengan baik tanpa ada rungutan dari pelbagai pihak seterusnya meningkatkan kualiti Johor Bersih?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B129**

Apakah pihak kerajaan negeri tidak berhasrat untuk mewujudkan satu peruntukan khas bagi mangsa bencana alam seperti banjir dan ribut memandangkan setiap tahun pasti ada yang dilanda ribut khususnya di Senggarang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YAB Menteri Besar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN B130

Siapakah yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja menyelenggara kebersihan serta pokok-pokok yang terdapat di kiri dan kanan jalan di jalan persekutuan di khususnya di kawasan pekan Senggarang?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Dewan, kebelakangan ini sering berlaku insiden yang melibatkan pokok-pokok tumbang kawasan Daerah Batu Pahat khususnya di kawasa Dun Senggarang. Merujuk kepada Seksyen 101 (b) dan (cc) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Klausula yang diperuntukan jelas menyatakan untuk kerja-kerja menyelenggara mana-mana pokok yang mengganggu lalu lintas di mana-mana jalan demi memastikan keselamatan dan kesenangan awam adalah di bawah tanggungjawab PBT untuk melaksanakan atau mengarahkan pemunya atau penduduk mana-mana permis di lokasi berkaitan.

Walaupun bagaimanapun, pihak JKR masih melaksanakan kerja-kerja memangkas dahan/menebang pokok-pokok secara one-off bagi mengurangkan risiko dahan patah atau pokok tumbang. Pihak JKR telah mengambil inisiatif dengan mengemukakan senarai pokok-pokok yang berisiko di sepanjang jalan Persekutuan di seluruh Daerah Batu Pahat kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) melalui Surat bertarikh 11 Julai 2024.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN B131

Apakah status kejayaan kontinjen Johor di SUKMA Sarawak dan adakah ianya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh negeri serta apakah rancangan kerajaan dalam pembangunan sukan-sukan di negeri Johor bagi mempertingkatkan lagi kecemerlangan pada masa akan datang?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan Negeri Johor komited dalam memastikan pembangunan sukan terus dan diperkasakan untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada penyertaan SUKMA yang akan datang. Kontinjen SUKMA Johor telah menyertai Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke 21 Sarawak 2024 pada 17 hingga 24 Ogos 2024. Pihak MSNJ telah menetapkan sasaran 40 pingat emas atau menduduki kedudukan ke 5 keseluruhan daripada 14 negeri yang bertanding. Kontinjen SUKMA Johor telah memperoleh 35 pingat emas, 42 pingat perak dan 58 pingat gangsa dan berada di kedudukan ke 6 keseluruhan. Para atlet serta pengurusan pasukan telah melakukan yang terbaik untuk mencapai sasaran pingat yang ditetapkan, walaubagaimanapun terdapat beberapa faktor yang boleh ditambahbaik pada masa akan datang untuk memastikan Kontinjen SUKMA Johor mencapai objektif yang ditetapkan.

Berikut adalah beberapa inisiatif yang telah dirancang:

1. Program Latihan Jangka Panjang

- 1.1. MSNJ telah memperkenalkan Program Latihan Jangka Panjang (GRIT 2030) yang menyasarkan pembangunan bakat atlet muda dari peringkat sekolah. Program ini akan memberi penekanan kepada latihan berstruktur, pendedahan kepada kejohanan antarabangsa, dan sokongan berterusan dari segi sains sukan dan pemakanan. Program ini telah dilaksanakan bermula tahun 2022 dan diharapkan akan membuahkan hasil pada tahun 2030.

2. Program Latihan Jangka Pendek

- 2.1 MSNJ telah memperkenalkan Program Titanium yang terbukti berkesan dalam penyediaan persiapan SUKMA 2022 yang bermula pada tahun 2017.
- 2.2 Program ini sekurangnya memerlukan tempoh masa 4 tahun bagi melihat hasilnya dan memerlukan sokongan yang kuat.

3. Kelangsungan Program

- 3.1 MSNJ merancang untuk melaksanakan Program Persiapan Atlet / Pasukan bagi menghadapi Temasya Sukan Malaysia 2026 lebih awal bermula 1 Oktober 2024. Dengan kelangsungan ini dapat mengekalkan prestasi atlet SUKMA 2024 yang boleh menyertai SUKMA 2026 sekaligus membina bakat-bakat baru yang berpotensi menyumbang pingat Emas pada SUKMA akan datang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

4. Pelaburan dalam Jurulatih dan Kepakaran Teknikal

4.1 Kerajaan akan membawa masuk lebih ramai jurulatih berpengalaman, termasuk pakar-pakar antarabangsa dalam bidang sukan tertentu seperti gimnastik, renang, dan berbasikal. Ini akan membantu meningkatkan kualiti latihan dan strategi pertandingan atlet kita. Perancangan ini boleh terlaksana jika mendapatkan sokongan yang kukuh dari pihak kerajaan terutama dari segi peruntukan dan fasiliti.

5. Peningkatan Fasiliti Sukan

5.1 Kerajaan negeri di bawah selian Perbadanan Stadium Johor sedang dalam proses untuk meningkatkan keupayaan fasiliti sukan di beberapa lokasi strategik seperti di Johor Bahru dan Kluang. Pusat latihan sukan akan dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan terkini untuk membolehkan atlet menjalani latihan yang lebih intensif.

6. Pendidikan Sains Sukan (Suaian Fizikal, Psikologi, Nutrisi dan Kecederaan Sukan)

6.1 Pihak MSNJ akan mempertingkatkan usaha untuk meningkatkan keupayaan jurulatih dalam pengetahuan sains sukan terutama dari segi latihan, psikologi dan nutrisi yang lebih baik bagi memastikan atlet kita kekal dalam keadaan fizikal dan mental terbaik.

7. Penglibatan Komuniti dan Pencarian Bakat

7.1 Kerajaan negeri akan menggiatkan program pencarian bakat sukan di peringkat akar umbi, termasuk melalui kejohanan tempatan dan liga sukan sekolah. Ini akan membantu mengenal pasti bakat-bakat muda yang berpotensi tinggi untuk diasah bagi menyertai kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

8. Kerjasama dengan Sektor Swasta

8.1 Kami akan memperkukuhkan kerjasama dengan sektor swasta untuk menaja dan menyokong program pembangunan sukan, termasuk memberikan penajaan kepada atlet cemerlang serta membina lebih banyak fasiliti sukan di kawasan luar bandar. Perancangan ini boleh terlaksana jika mendapat sokongan yang lebih kuat dari pihak kerajaan

9. Kejohanan Tahunan Negeri

9.1 Bagi mempertingkatkan pengalaman bertanding dan pendedahan atlet, kerajaan akan menganjurkan lebih banyak kejohanan peringkat negeri dan jemputan antara negeri secara tahunan. Ini akan membantu atlet kita menimba pengalaman dan membina keyakinan.

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, kerajaan yakin bahawa kontinjen SUKMA Johor akan bangkit dan mencapai kecemerlangan yang lebih baik pada SUKMA yang akan datang, sekaligus mengharumkan nama negeri Johor di persada sukan tanah air. Namun begitu cadangan di atas adalah berdasarkan kemampuan kita dari segi peruntukan dan kepakaran dalam bidang kejurulatih untuk melaksanakannya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN B132

Apakah langkah kerajaan bagi menggalakkan dan menyokong penglibatan anak muda dalam ekonomi kreatif termasuk dalam urusan mendapatkan pembiayaan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Dalam kebersediaan Usahawan muda menongkah industry kreatif, Kerajaan Negeri Johor menerusi PUJB telah merancang dan melaksanakan segala aktiviti dan program pembangunan PMKS menjadi lebih mantap, lebih berfokus serta dapat melonjakkan pendapatan dan KDNK Negeri Johor dengan lebih berkesan.

Di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah melalui program Pengembangan Produk Usahawan Johor khusus Ekonomi Kreatif. Program ini memberi peluang kepada usahawan yang meceburi bidang ekonomi kreatif untuk terlibat dalam expo serta pameran.

Pelbagai jenis bantuan akan dilaksanakan iaitu seperti geran seperti Inisiatif Usahawan Mikro. Geran ini khusus di berikan kepada Usahawan bertaraf mikro yang mempunyai jumlah pendapatan RM300,000.00 setahun serta sekurang-kurangnya memiliki 5 org pekerja. Mikro PMKS kebiasaannya adalah dalam kalangan Usahawan belia.

Selain daripada itu, dalam mendigitalkan Usahawan belia Johor, kerajaan negeri akan berkolaborasi Bersama MDEC dalam satu program digital Usahawan. Ini penting kerana, dalam hala tuju PMKS Johor kearah globalisasi adalah peningkatan pemasaran *online* khususnya Usahawan belia. Mereka perlu ambil peduli dengan kemudahan e-Dagang serta kearah mendigitalkan platform perniagaan.

Bagi permohonan pembiayaan boleh dibuat menerusi TEKUN Malaysia mempunyai dibawah Skim Pembiayaan TEKUN Niaga.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
PADA HARI KHAMIS, 3 OKTOBER 2024**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN B133

Apakah perancangan atau inisiatif yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk melindungi sekaligus mengekalkan bangunan warisan yang lama dan ikonik?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Maklum balas akan diberikan terus oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia.